

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA****Bil. 14****Isnin****6 Disember 2004****K A N D U N G A N**

| | |
|---|--------------|
| MENGANGKAT SUMPAH | (Halaman 1) |
| MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN | (Halaman 2) |
| PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: | |
| Memperkenankan Akta-akta | (Halaman 2) |
| Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Halaman 2) |
| URUSAN MESYUARAT | (Halaman 3) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 4) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004 | (Halaman 29) |
| Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004 | (Halaman 54) |
| Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 | (Halaman 57) |

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 6 Disember 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.
2. Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.
3. Yang Berhormat Tuan Hii Tiong Kuoh.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah sambil mengalu-alukan Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana manusia kerap kali buat silap, bukan kerana tidak bijak tetapi lebih dari keadaan lupa, saya suka memberi sedikit peringatan dengan mengulangi empat perkara.

Pertamanya, Malaysia diperintah di bawah satu Perlembagaan yang mana Peraturan Mesyuarat Dewan merupakan urutan darinya. Sebab itu Malaysia dikatakan diperintah di bawah *The Rule of Law* melalui Parlimen.

Keduanya, Parlimen ditegak di atas tiga tiang, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Ketiga, Parlimen mendukung dua prinsip asasi *separation of powers* dan *check and balance*.

Keempat, Dewan Negara adalah mustahak untuk menegak prinsip *check and balance*.

Maka harapan saya ialah agar kita sama-sama memainkan sebaik peranan yang mungkin untuk menyemak dengan teliti, segala yang dibentangkan di hadapan kita dan membantu proses evolusi ke arah pencapaian sebuah Parlimen yang terbilang. Terima kasih.

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Petua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini, iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di luar waktu Persidangan Dewan mengikut Jadual Ke-6 dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

13 Oktober 2004:

1. Yang Berhormat Dato' Mohamed Jin bin Shamsuddin;
2. Yang Berhormat Datuk Rhina Bhar;
3. Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan; dan
4. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis iaitu Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Fi (Taman Laut Malaysia) (Pengesahan) 2004;
2. Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004; dan
3. Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“13 September 2004

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2004;
2. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004;
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004; dan
4. Rang Undang-undang Agensi Antidadah Kebangsaan 2004.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RKYATA”.

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan statistik kemalangan yang berlaku sejak pembukaan Lebuhraya Pantai Timur dan apakah statistik ini menunjukkan lebuh raya ini kurang selamat berbanding dengan Lebuhraya Utara-Selatan.

Menteri Pengangkutan [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan jalan raya yang berlaku di Lebuh Raya Pantai Timur semenjak pembukaannya iaitu dari Ogos hingga November 2004 ialah sebanyak 228 kes kemalangan dan Lebuh Raya Utara Selatan ialah sebanyak 7,217 kes kemalangan. Bagi kes kematian pula, sebanyak 9 kes kematian dilaporkan di Lebuh Raya Pantai Timur dan sebanyak 154 kes kematian dilaporkan di Lebuh Raya Utara Selatan.

Perbandingan kemalangan antara kedua-dua lebuh raya berdasarkan kemalangan bagi setiap kilometer adalah sebanyak 1.35 setiap kilometer bagi Lebuh Raya Pantai Timur berbanding sebanyak 8.51 setiap kilometer bagi Lebuh Raya Utara Selatan. Berdasarkan kematian bagi setiap kilometer Lebuh Raya Pantai Timur adalah sebanyak 0.053 setiap kilometer berbanding 0.18 setiap kilometer bagi Lebuh Raya Utara Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu dari segi bilangan kemalangan dan kematian bagi setiap kilometer ianya lebih rendah di Lebuh Raya Pantai Timur berbanding dengan Lebuh Raya Utara Selatan. Kesimpulannya, kenyataan yang mengatakan bahawa Lebuh Raya Pantai Timur kurang selamat dibandingkan dari Lebuh Raya Utara Selatan adalah tidak benar. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Lim Sing @ Lam Kam Sang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, di kebanyakan lebuh raya saluran bawah tanah dibina di tengah-tengah tetapi di Lebuh Raya Pantai Timur salurannya adalah di bahagian tepi. Semasa hujan lebat, air dan tanah lumpur melimpah di atas jalan, mudah menyumbang kemalangan. Apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Kelemahan ini telah pun dikenal pasti oleh pihak kerajaan dan pihak kontraktor MPT Capital Sdn. Bhd. yang dipertanggungjawabkan untuk memperbaikinya kerana ianya masih berada dalam tempoh tanggungan kecacatan tanpa melibatkan sebarang kos kepada pihak

kerajaan. Kerja-kerja sedang dijalankan untuk mempertingkatkan kelemahan seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri, saya membenarkan dua lagi soalan tambahan lagi. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya Menteri Kerja Raya telah melawat tempat ini dan beliau telah mengakui bahawa ada masalah-masalah di Lebu Raya Pantai Timur ini, sungguhpun Menteri Pengangkutan memberikan perbandingan statistik yang menyatakan ia lebih selamat daripada Lebu Raya Utara Selatan.

Jadi, bagaimana perbezaan pendapat ini boleh diumumkan kepada *public* melalui dua menteri, satu Menteri Pengangkutan di dalam Dewan ini dan satu lagi Menteri Kerja Raya semasa beliau melawat tempat ini dan seperti yang diakui juga....

Tuan Yang di-Pertua: Sesungguhnya, perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu agak terkeluar daripada soalan asal, satunya mengenai lebu raya dan satu lagi mengenai perbezaan yang diumumkan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tentang Lebu Pantai Timur, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya. Pendapat saya ialah bagaimana perbezaan pendapat boleh berlaku? Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berpendapat memang tidak ada perbezaan. Saya tidak mengatakan bahawa Lebu Raya Pantai Timur lebih selamat daripada Lebu Raya Utara Selatan. Saya cuma mengatakan kalau ia dikatakan kurang selamat daripada Lebu Raya Utara Selatan ini adalah tidak benar. Kedua-duanya memang selamat, tidak ada mana yang lebih selamat. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ialah terdapat sedikit kelemahan mengenai kualiti keselesaan pemanduan sahaja dan setakat ini kelemahan-kelemahan yang dikenal pasti ini telah pun diambil tindakan oleh pihak yang berkenaan.

Dari segi *design* dan kejuruteraan lebu raya ini memang bertaraf tinggi – cukup tinggi. Oleh kerana mutunya begitu tinggi orang yang memandu di lebu raya ini memandu dengan laju dan ini menyebabkan kerapnya berlaku kemalangan.

Kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah kerana sikap manusia dan bukannya kerana *design* ataupun kejuruteraan jalan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Satu lagi prinsip tertegak. Prinsip *collective responsibility Cabinet*. Silakan Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah punca utama yang kita dapati hari ini Lebuh Raya Utara Selatan lebih banyak kes kemalangan berlaku berbanding dengan Lebuh Raya Pantai Timur dan sejauh manakah keberkesanan kempen kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya yang masih tinggi dalam negara kita terutama di musim perayaan. Terima kasih.

Dato' Sri Chan Kong Choy: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kalau dibandingkan dengan jalan-jalan persekutuan dan jalan-jalan negeri, kemalangan yang berlaku di lebuh raya memang tidak begitu tinggi. Saya hendak beritahu satu angka kepada Dewan yang mulia ini, pada setiap hari puratanya 17 kematian dicatatkan di seluruh negara tetapi satu kematian sahaja yang berlaku di lebuh raya, baik di Lebuh Raya Utara Selatan mahu pun di Lebuh Raya Pantai Timur. Yang lain iaitu sebanyak 16 kes kematian berlaku di jalan-jalan persekutuan dan juga di jalan-jalan negeri. Perbandingan ini menunjukkan bahawa kemalangan tidak begitu serius di lebuh raya kalau dibandingkan dengan di jalan-jalan persekutuan dan di jalan-jalan negeri.

Mengenai kempen yang dijalankan oleh kerajaan, kempen yang terkini yang kita jalankan ialah pada musim perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali. Saya hendak merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya pihak media yang telah pun memberikan sokongan yang begitu kuat kepada pihak kerajaan sehingga kita pada kali pertamanya berjaya untuk mengurangkan daripada berlakunya kemalangan jalan raya sebanyak 5% dan dari segi kematian sebanyak 17% penurunan pada kali ini.

Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pada musim perayaan, *traffic volume* sudah bertambah begitu tinggi sekali. Peningkatan jumlah *traffic volume* di jalan-jalan raya kita meningkat sehingga 100% ke 200% dan pada sepuluh bulan tahun ini kita telah mencatat ataupun mendaftarkan sejumlah 700,000 buah kenderaan baru dan pada tempoh yang sama kita telah menguji dan meluluskan pemandu baru sebanyak 350,000 orang.

Walaupun dengan penambahan ini tetapi kadar kemalangan khususnya kadar kematian telah pun menurun. Ini menunjukkan bahawa kempen kita telah mendatangkan efek yang baik tetapi kita belum berpuas hati. Selagi ada orang yang mati di jalan raya kita tidak akan merasa gembira. Kita akan terus berusaha supaya dapat menurunkan lagi bilangan kematian dan bilangan kemalangan di jalan raya kita ini.

Tetapi ini tidak dapat dicapai melalui usaha kerajaan sahaja. Kita harus mendapat kerjasama daripada semua pihak khususnya pemandu-pemandu di negara kita ini yang berjumlah 11 juta orang. Selagi sikap mereka tidak berubah sukar bagi kita mencapai matlamat yang kita tetapkan. Sekian, terima kasih.

2. Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan harga buku-buku, supaya ianya dapat menggalakkan satu budaya membaca di kalangan masyarakat kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, bahan bacaan seperti buku keluaran tempatan mahupun import tidak tersenarai sebagai barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1951 ataupun di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna dari masa ke semasa berbincang dengan Persatuan Pengeksport Dan Pengimport Buku Malaysia (MBEIA) dan Persatuan Penjual-penjual Buku Malaysia (MDA) melalui Jawatankuasa Kerja Penetapan Harga Buku Import.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, faktor pertukaran ringgit dengan mata wang negara pengeluar buku-buku yang berkenaan juga akan mempengaruhi harga runcit buku yang diimport memandangkan buku-buku berkenaan di terbit dan dicetak di negara-negara yang berkenaan. Bagi buku-buku keluaran tempatan pula, khususnya buku-buku sekolah ianya dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan beliau. Soalan tambahan saya ialah, adakah dicadangkan mencetak lebih buku-buku asing, khasnya buku teks pengajian tinggi di Malaysia seperti dibuat di India ELBS Edition. Walaupun mutunya tidak

berapa baik tetapi kandungannya serupa supaya harganya untuk penuntut-penuntut di universiti dapat dikurangkan.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk menentukan keluaran buku ataupun penerbitan tempatan termasuk luar negara adalah di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan sentiasa memantau perkara ini dan sentiasa berbincang dengan pihak kementerian berkenaan supaya cadangan Yang Berhormat ini dapat diambil kira untuk kemudahan dan juga kepentingan orang awam khususnya penuntut-penuntut di negara kita ini. Terima kasih.

3. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan penerangan berkenaan dengan tabung dana ICT. Sejauh manakah keberkesanannya membantu teknokrat ICT terutamanya Bumiputera serta apakah langkah-langkah terkini yang akan diambil oleh Kementerian.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Dato' Dr. Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mohon kebenaran untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli Yang Berhormat. Yang keduanya, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru dilantik sebentar tadi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Ikhwan kerana mengemukakan soalan pada hari ini tentang MDC dan tentang penyertaan bumiputera dalam bidang IT yang saya anggap ini sebagai satu usaha yang amat baik dari segi kesedaran Yang Berhormat dalam pembangunan bumiputera dalam sektor IT negara.

Tuan Yang di-Pertua, Koridor Raya Multimedia (MSC) menjadi asas pembangunan industri dan revolusi teknologi maklumat dan komunikasi di Malaysia. Justeru itu, bagi membuka peluang kepada syarikat tempatan termasuk syarikat milik bumiputera untuk mengambil bahagian dan meraih peluang dan merevolusikan secara aktif, kerajaan menyediakan pelbagai dana untuk membangun dan memastikan penglibatan bumiputera tempatan. Dana itu diharap dapat mendorong usahawan kecil dan sederhana tempatan untuk mencapai taraf dunia serta menerokai pasaran antarabangsa.

Bagi menggalakkan penyelidikan dan pembangunan R&D, Scheme MSC R&D Grant atau Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan MSC disediakan yang mana

56 syarikat tempatan berstatus MSC telah diberikan bantuan. Daripada itu, 18 buah adalah syarikat bumiputera yang telah menerima geran R&D berjumlah RM36 juta.

Satu lagi bentuk dana yang membantu usahawan tempatan termasuk bumiputera ialah dipanggil satu dana modal di mana kerajaan sendiri melalui MDC melabur dalam syarikat-syarikat IT untuk membantu mereka membangunkan syarikat-syarikat mereka. Setakat ini kira-kira RM80 juta telah dilabur dalam 19 syarikat yang mana mempunyai kepentingan bumiputera sekurang-kurangnya 30%. Dana ketiga Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga menyediakan dana yang dipanggil modal teroka ataupun dengan izin *Venture Capital* di bawah MAVCAP ataupun *Malaysia Venture Capital* dan setakat ini diwujudkan RM500 juta dalam dana tersebut. Pada tahun ini iaitu dalam Bajet 2004 ditambahkan lagi RM300 juta yang jumlahnya ialah RM800 juta. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Wing: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sungguhpun ada baik untuk mengadakan beberapa dana untuk membantu pihak-pihak tertentu, adakah kementerian selepas memberi subsidi kepada mereka itu, memantau sama ada mereka telah berjaya dalam usaha mereka dan kalau tidak berjaya adakah bantuan-bantuan seterusnya diberi kepada mereka untuk menjayakan projek-projek yang telah dirancangkan itu? Terima kasih

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam usaha untuk membina dan membangunkan usahawan memang amat penting sekali. Usaha-usaha pengawasan, usaha seterusnya memberikan bantuan merupakan satu usaha yang *continues* yang terus menerus. Oleh kerana itu, di bawah MDC ada satu portal yang dinamakan *Portal Entrepreneur Dot Net* di mana kita diminta mereka yang mendapat dana-dana bantuan sama ada dana R&D atau Dana Modal ataupun *Venture Capital* (Modal Teroka) di minta tiap-tiap bulan untuk mengemukakan perkara-perkara yang perlu diberitahu kepada kita supaya dapat kita mendekati mereka, membimbing dan membentuk mereka, kerana memupuk sesuatu dalam usahawan memang memerlukan satu usaha yang terus menerus, ini pula dalam satu bidang IT Teknologi yang merupakan satu kaedah atau satu industri baru di Malaysia dan harapan kerajaan supaya pengusaha-pengusaha terutama bumiputera mereka ini mengambil satu iltizam untuk memastikan mereka ini dapat juga meraih peluang-peluang yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri saya benarkan satu lagi soalan.

4. Puan Siw Chun a/p Eam minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:-

- (a) bilangan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang beroperasi di negara ini sehingga kini (2004); dan
- (b) bilangan IPTS yang beroperasi dengan menyalahi peraturan-peraturan/undang-undang yang telah diambil tindakan oleh pihak kementerian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2004 bilangan institusi Pendidikan Tinggi Swasta ataupun IPTS yang beroperasi di negara ini berjumlah 546 buah dengan bilangan pelajar seramai 314, 344 orang. Dari jumlah tersebut bilangan IPTS bertaraf universiti sebanyak 21 buah dan bilangan pelajaranya 76,505 orang manakala IPTS yang bukan bertaraf universiti sebanyak 525 buah dengan bilangan pelajaranya seramai 237,836 orang. Bilangan IPTS yang beroperasi dengan menyalahi peraturan-peraturan atau undang-undang yang telah diambil tindakan oleh kementerian adalah sebanyak 29 buah pada tahun 2002 dan sebanyak 14 buah pada tahun 2003. Manakala pada tahun 2004 belum ada IPTS yang menyalahi peraturan yang telah diambil tindakan. Kesalahan yang dilakukan adalah melanggar Akta IPTS 1996 Akta 555 iaitu Beroperasi Tanpa Kelulusan Penubuhan, tindakan yang diambil ialah menutup IPTS tersebut. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah efektif yang telah dan akan dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini?

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk tujuan mengatasi bilangan IPTS yang beroperasi tidak menyalahi peraturan-peraturan yang telah pun disediakan antaranya ialah kita menetapkan bahawa kriteria dan standard yang diperlukan ialah mematuhi peraturan yang dikeluarkan oleh Lembaga Akreditasi Negara atau LAN untuk mengambil pendekatan amalan-amalan terbaik di peringkat tempatan dan antarabangsa dan dengan adanya LAN kita dapat memastikan bahawa kursus-kursus atau kurikulum dan juga pelaksanaan kursus pengajian dapat dinaikkan

taraf dan juga memberikan para graduan satu akreditasi supaya mereka mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya atas kesalahan peraturan dan undang-undang yang dilakukan itu berapa lama kesalahan itu berlaku sebelum kementerian bertindak dan juga sejauh manakah IPTS yang bersalah itu mencemarkan nama baik negara kita sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan di rantau ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kita mengambil tindakan yang serta-merta dan cepat apabila mengetahui melalui iklan-iklan atau promosi-promosi yang dilakukan oleh IPTS melalui media. Sekiranya didapati di antaranya tidak meletakkan kod-kod ataupun kriteria yang telah pun dikeluarkan oleh LAN dalam kelulusannya, maka kita mendapatkan pegawai-pegawai kita pergi ke IPTS tersebut dan mengenakan kompaun dan sekiranya mereka tidak dapat juga menyelesaikan masalah yang dikemukakan maka hukuman yang boleh dikenakan ialah di bawah Kesalahan IPTS 1996.

Di antara contoh-contoh mencemarkan IPTS ialah seperti mengeluarkan iklan prospektus atau risalah menganjurkan IPTS tanpa mendapat kelulusan penubuhan IPTS ataupun mengelirukan dalam iklan-iklan di samping memindahkan premis tanpa pengetahuan pelajar-pelajar itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Datuk Syed Ali bin Syed Abas Ahabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah pihak kementerian akan mengeluarkan lesen-lesen baru untuk penubuhan IPTS memandangkan IPTS di negara kita terlalu banyak dan dapatkah pihak kementerian menjamin ataupun memantau kualiti pembelajaran di IPTS-IPTS itu. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini rekod daripada JPS jumlah permohonan kursus pengajian dalam tahun 1996 hingga 2004 yang dikemukakan oleh LAN sebanyak 836 buah dan daripada jumlah tersebut 540 telah selesai diproses dan bakinya 296 belum lagi dikeluarkan surat kelulusan. Jadi untuk mempertimbangkan kelulusan ataupun permohonan pihak LAN telah pun setakat ini mengenakan beberapa peraturan supaya permohonan-permohonan maklumat yang tidak lengkap dilengkapi. Ada di antaranya selepas memohon penubuhan tidak membayar *fee* kelulusan dan permohonan-permohonan yang tidak mempunyai rekod di JPS. Jaminan kita supaya kualiti IPTS dapat ditentukan ialah kita mewajibkan setiap

penubuhan IPTS itu mendapat kelulusan pengendalian kursus pengajian kemudian perlu mencapai standard minimum sebelum sebuah IPTS dianugerahkan kelayakan bagi kursus pengajian dan akhirnya mendapatkan perakuan akreditasi untuk kursus pengajian sama ada *twining 3 + 0* ataupun *2 + 1* dan juga mewajibkan pengiktirafan rasmi oleh Jabatan Pendidikan Swasta. Terima kasih.

5. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapakah jumlah sekolah yang terlibat dalam Projek Pensiangan Salinatan dan apakah kesan secara langsung terhadap pencapaian prestasi pelajar dalam menguasai subjek Bahasa Melayu, Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam produk ini; dan
- (b) apakah program ini dapat meningkatkan tahap profesionalisme guru yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, projek Pensiangan Salinatan mula dilaksanakan pada tahun 2003. Projek ini dikendalikan oleh Maktab-maktab Perguruan. Sehingga kini seramai 6,900 pelajar telah terlibat dalam projek ini merangkumi 93 buah sekolah di seluruh negara. Projek Pensiangan Salinatan bertujuan meningkatkan kompetensi dan kemahiran profesional guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah pedalaman, luar bandar, sekolah-sekolah Orang Asli serta sekolah-sekolah kurang murid di mana terdapat kelas bercantum. Aktiviti dan kursus yang dilaksanakan berfokus kepada peningkatan kemahiran dan kompetensi guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran, pendedahan kepada aspek dan kaedah terkini kimo-pedagogi serta penguasaan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk kelas bercantum diberi penekanan memandangkan sekolah pedalaman dan luar bandar selalunya mengalami kurang murid. Melalui projek Pensiangan Salinatan juga, guru-guru di sekolah-sekolah pedalaman dan luar bandar diberi pendedahan kepada peluang-peluang meningkatkan profesionalisme melalui pelbagai program Kementerian Pelajaran seperti Program Khas Pensiswazahan Guru ataupun PKPG, KPLI iaitu Mode Latihan Berasaskan Sekolah dan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

Projek Pensiangan Salinatan baru dua tahun dilaksanakan. Kementerian Pelajaran Malaysia dalam proses untuk menjalankan penilaian keberkesanan projek ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, adakah langkah-langkah pemantauan selepas projek ini dilaksanakan bagi mengekalkan serta meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar di sekolah yang terlibat. Terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sedar bahawa mutu guru-guru akan mengadakan implikasi terhadap pengajaran dan pelajaran dalam sekolah-sekolah. Justeru itu, Kementerian Pelajaran selalu memberi fokus dan juga kepentingan kepada peningkatan profesionalisme. Berkaitan dengan projek ini, seperti mana telah saya sebut tadi projek ini baru dilaksanakan setahun sebelum ini iaitu tahun 2003 jadi kajian sedang dilaksanakan dan sebaik sahaja kajian ini siap kami akan mengumumkan hasil kajian tersebut. Terima kasih.

6. Datuk Mohamed Jins bin Shamsudin minta Menteri Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan menyatakan apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah arkib yang khusus mengenai sejarah perfileman Melayu bagi memastikan khazanah filem negara yang di dalamnya mengandungi unsur sejarah dan budaya bangsa Melayu agar ia dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Yang sana seni Tuan Yang di-Pertua. Yang sini seni sedikit. Tuan Yang di-Pertua, pertama tentunya saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin di atas adegan ulung beliau mempersoalkan satu-satunya aspek budaya iaitu filem.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan melalui agensinya Jabatan Arkib Negara sedang menubuhkan sebuah pusat pendokumentasian dan pemuliharaan bahan pandang dengar termasuk filem dan juga bahan-bahan yang berkaitan dengan audio visual dengan izin, bagi menyimpan filem dan juga bahan-bahan audio visual yang berkaitan.

Jabatan Arkib Negara telah mendapat khidmat pakar runding untuk membina pusat tersebut bagi menempatkan bahan-bahan audio visual mengikut piawai

penyimpanan arkib filem. Beberapa orang pegawai jabatan telah pun dihantar bagi mengikuti latihan khas dalam pengendalian bahan-bahan tersebut.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kita lihat hari ini penonton kurang berminat tentang filem-filem sejarah ataupun filem-filem yang bercorak unsur-unsur budaya yang lama. Mereka lebih berminat tentang filem yang berunsur moden. Apakah usaha kerajaan supaya budaya santun Melayu ini dimasukkan dalam filem-filem Melayu yang moden yang moden hari ini sebab kita lihat filem-filem moden hari ini semakin terhakis daripada budaya santun yang dipaparkan dalam filem-filem yang lama. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, seolah-olah dapat saya katakan:

'Perak dipakai suasa dibela,

Gerak dah sampai masa dah tiba'.

Bagi kita semua untuk bergerak ke arah itu namun sebagai suatu fiil masyarakat sesungguhnya sesuatu yang formal yang disajikan sukar bagi mereka untuk menerima. Tetapi jika aspek-aspek budaya dan sejarah itu dapat dijalinan di dalam filem-filem cereka yang mana kejayaannya dapat kita banggakan setakat ini, maka khalayak akan dapat menerimanya.

Justeru, sesuatu filem yang menarik perhatian umum Tuan Yang di-Pertua ialah filem yang mengandungi jalan cerita yang menarik. Lantaran kedudukan penonton bukan sahaja di Malaysia tetapi di seantero dunia adalah terhadap jalan cerita yang menarik maka kita tidak harus menyelitkan sejarah semata-mata. Namun ia perlu diselitkan menerusi cereka.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menggerakkan program kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni terlebih dahulu. Apabila masyarakat tergolong dan dapat kita sematkan perjuangan seni menerusi warisan seperti itu, saya yakin penarikan perhatian mereka juga dalam kaedah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah ini mencabar kreativiti karyawan bangsa Malaysia, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Benar.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Yaakob bangun hendak tanya soalan berikut atau soalan tambahan?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan peningkatan tahap penyimpanan khazanah filem negara yang kita ada sekarang ini berbanding dengan negara-negara asing? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, sambil mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator, setakat ini kita mempunyai 1,768 judul filem baik yang lama mahu pun yang baru yang sedia tersimpan di Arkib. Permasalahan kita ialah apabila negara merdeka dan selepas negara menjadi Persekutuan Malaysia, persoalan kearkiban sukar untuk dimajukan serentak.

Oleh itu judul-judul ini tersimpan di dalam *xylor* dengan izin dan penyimpanan ini masih dalam keadaan yang baik. Misalnya pada tahun 1903, filem yang bernama 'Durba Federated Malay States' masih disimpan. Kedua, 'Ekonomi 1900, Getah Tanah Melayu' masih disimpan. Seterusnya "Penentangan Dan Penjajahan Inggeris Di "Terengganu" juga masih disimpan. Begitulah ratusan malah ribuan tajuk-tajuk lain termasuk filem-filem cereka dan dokumentasi *Malaysian Film Unit* yang pada suatu ketika dahulu menjadi popular sebagai filem-filem dokumentari.

Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, apabila usaha Arkib ini selesai, maka Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin dapat menonton hasil daripada penyimpanan rekod-rekod kita tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri, Dr. Chin Fook Weng hendak tanya tadi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Atau baru reka soalan tambahan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya tadi sudah bersedia. Saya ingin tahu Tuan Yang di-Pertua, tentang penyimpanan khazanah filem itu, adakah itu juga memberi perhatian yang lebih serius kepada bahan-bahan yang berciri kemalaysiaan kerana ada banyak bahan yang telah dicipta semasa sejak tahun 1957 hingga ke masa ini.

Adakah kita merancang supaya perhatian untuk kerja-kerja yang merupakan kemalaysiaan itu juga diberikan perhatian dan tumpuan. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, ada satu proses yang bernama '*Teleciny*'. Proses ini digunakan bagi menyalin filem-filem sama ada dari format 16 mm ataupun 35 mm kepada VCD dan juga kepada DVD ataupun dalam format digital yang lain.

Peralatan ini sebahagiannya telah pun ada tetapi bagi menjawab soalan Yang Berhormat Senator berkaitan dengan ciri kemalaysiaan itu, sesungguhnya jawapan diberi dalam konsep positif yakni filem-filem yang diterbitkan setakatnya kebanyakan dalam bentuk cereka tetapi kegemaran kita mewujudkan dan mengeluarkan filem-filem jenis dokumentari sudah berkurangan.

Oleh yang demikian, kerajaan bercadang untuk meneruskan - FINAS misalnya mengeluarkan filem-filem yang jurnalnya berbentuk dokumentari mengandungi cerita dan kisah tentang budaya Malaysia, bangsa Malaysia, kegiatan-kegiatan industri, belia dan kebeliaan, bahasa, budaya dan sebagainya.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti, insya-Allah program-program ini akan kita semarakkan dan pembikin-pembikin filem juga akan digalakkan beroleh sumbangan daripada kerajaan dalam bentuk bahan ataupun alat-alat pasca produksi. Terima kasih.

7. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sehingga September 2004, berapa banyakkah kilang-kilang besi buruk yang sah dan haram yang beroperasi mengikut negeri di seluruh negara dan berapa banyakkah pendakwaan yang telah dibuat terhadap penjenayah (pembeli dan penjual) ini dan anggaran jumlah nilai kerugian yang terlibat oleh semua pihak. Nyatakan apakah strategi dan perancangan yang sedang dan akan diambil oleh kerajaan bagi menangani gejala yang semakin serius ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod yang ada sebanyak 2,413 kilang besi buruk yang beroperasi secara sah manakala 150 lagi yang beroperasi secara haram. Jumlah tersebut sebanyak 32 telah didakwa di mana anggaran kerugian tidak direkodkan.

Di antara strategi dan perancangan yang sudah dan akan diambil di dalam menangani masalah di atas adalah seperti berikut:

- (i) meningkatkan pemeriksaan ke atas kilang-kilang besi buruk kepada dua kali seminggu oleh Ketua Polis Daerah di seluruh negara,
- (ii) mendakwa pemilik berlesen kilang-kilang besi buruk atau sebarang kesalahan yang dilakukan di dalam jual beli besi buruk,
- (iii) mengemaskinikan rekod pemilik lesen kilang-kilang besi buruk yang sah serta mereka yang pernah didakwa supaya pemantauan dapat dibuat dengan senang,
- (iv) memastikan semua pemilik lesen kilang-kilang besi buruk yang sah mengikut prosedur jual beli besi buruk,
- (v) mengkaji semula akta peniaga barang-barang terpakai 1946, dan
- (vi) menambah syarat baru iaitu mendapat sokongan daripada Pejabat Tanah sebelum sesuatu lesen jual beli besi buruk dikeluarkan.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah besi buruk tidak menarik minat?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon penjelasan, sekiranya pihak kementerian tahulah kenapakah sekarang ini besi buruk ini nampaknya sangat banyak petugas-petugas dia masuk ke kampung-kampung. Saya hendak tahu berapa harga besi buruk yang diketahui oleh kementerian sekarang pada tiap-tiap sekilogram. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Ketawa]* Terima kasih, saya yang pertama harganya naik, kalau tidak silap saya dimaklumkan waktu saya melawat kilang besi buruk bahawa harganya naik daripada RM200 hingga RM620 satu tan. Sebab itu besi-besi buruk mendapat perhatian sampaikan *rail* (landasan) kereta api pun mereka curi Tuan Yang di-Pertua. Kini amat sedih. Mereka lebih mementingkan diri sendiri daripada mementingkan keselamatan kereta api itu sendiri. Kalau berlaku kejadian yang tidak diinginkan sudah tentu hendak rebut RM600 itu mungkin melibatkan 600 nyawa akan terkorban. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Siti Zailah.

7. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan Malaysia sebagai Pengerusi OIC dalam menangani krisis di Selatan Thailand.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan yang dikemukakan, saya dengan hormat memohon izin untuk menjawab secara serentak lima soalan lain yang dikemukakan di Dewan yang mulia ini memandangkan soalan-soalan yang menyentuh isu dan perkara yang sama. Soalan-soalan tersebut telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Arzmi bin Abdul Hamid pada 7 Disember, Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengeran Ahmad Rafee pada 9 Disember, Yang Berhormat Datuk Hamzah Zainudin pada 9 Disember, Yang Berhormat Puan Safinah Jusoh pada 15 Disember dan Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana Diraja Datin Dr. Hajah Nik Azizah Haji Nik Yahya pada 16 September 2004.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara sahabat dan jiran kepada Thailand, Malaysia sentiasa prihatin mengenai perkembangan yang berlaku di selatan negara tersebut. Masalah keselamatan di selatan Thailand yang berlarutan bukan sahaja akan menjejaskan keamanan dan keselamatan Malaysia tetapi juga akan memberi kesan kepada hubungan dua hala antara Malaysia dan Thailand di masa yang akan datang.

Selepas kejadian Takbai pada 25 Oktober 2004, keadaan keselamatan di selatan Thailand kini dilaporkan semakin bertambah buruk dengan peningkatan serangan dan pembunuhan yang berlaku setiap hari. Demi kepentingan umum, Malaysia telah mengeluarkan kenyataan yang menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak membuat lawatan ke sana sehingga keadaan kembali pulih.

Pada 30 Oktober 2004 juga atas kehendak Malaysia sebagai Pengerusi Sidang Kemuncak OIC, Setiausaha Agung OIC telah mengeluarkan kenyataan rasmi yang menyatakan rasa kesal dan sedih OIC terhadap insiden di Takbai dan menyeru kerajaan Thailand mengambil tindakan yang lebih bertanggungjawab, lebih berperikemanusiaan dalam usaha menangani masalah di Selatan Thailand. OIC juga

menyarankan agar kerajaan Thai menyelesaikan masalah keselamatan di Selatan Thailand melalui rundingan.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tercetusnya kekacauan dan keganasan di Selatan Thailand, Malaysia telah mempertingkatkan kerjasama dengan Thailand termasuk mengadakan rondaan bersama, menubuhkan Perintah Medan bersama 'Joint Field Command' dan menggiatkan lagi kerjasama pertukaran maklumat. Malaysia dan Thailand juga telah menubuhkan Jawatankuasa Malaysia-Thailand bagi strategi pembangunan bersama di kawasan sempadan kedua-dua negara untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kurangnya pembangunan ekonomi di kawasan tersebut yang merupakan antara penyebab utama masalah keselamatan di Selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientien pada 29 dan 30 November 2004 baru-baru ini, Perdana Menteri Thailand telah mengadakan pertemuan tiga hala dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden Indonesia sebagai usaha beliau untuk mengelakkan isu Takbai dibangkitkan di Sidang Kemuncak ASEAN. Saya akan menyentuh lanjut isu ini sekiranya ada soalan tambahan nanti.

Pendekatan yang diambil oleh Malaysia berkenaan dengan isu selatan Thailand adalah pragmatik dan bersesuaian pada masa sekarang. Sungguhpun kejadian di Thailand itu sungguh menyayat hati dan membangkitkan kemarahan atas kekejaman yang berlaku, Malaysia tidak berhasrat untuk mencampuri urusan hal-ehwal negara Thailand dan kita sentiasa menghormati keutuhan dan kedaulatan wilayah mereka. Tetapi, sebagai negara jiran yang bertanggungjawab, kita tidak boleh menutup mata di atas apa yang berlaku. Justeru itu, kita perlu terus memberi pandangan dan cadangan yang objektif serta jujur bagi kebaikan bersama kedua-dua negara. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Dewan Rakyat telah juga menyuarakan kebimbangan mereka terhadap perkara ini. Adakah perkara ini juga dibangkitkan di Vientien semasa perjumpaan Perdana Menteri kita dengan Perdana Menteri Thailand? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana membangkitkan isu ini. Parlimen Malaysia yang mulia pada 26 Oktober telah membahaskan unsur keganasan yang menyebabkan umat Islam dibunuh beramai-ramai di selatan Thailand dan oleh yang demikian, pada Sidang Kemuncak ASEAN

Ke-10 di Vientien baru-baru ini, Perdana Menteri Thailand telah menjelaskan mengenai kebimbangan beliau bahawa sekiranya isu Takbai ini dibangkitkan di peringkat serantau ataupun antarabangsa, ia akan menjadi perangsang kepada kumpulan-kumpulan pemisah di selatan Thailand untuk bertindak dengan lebih agresif dan ganas semata-mata untuk mendapat perhatian dunia ke atas perjuangan pemisahan mereka.

Walau bagaimanapun, di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, beliau berpendirian tegas bahawa adalah penting bagi isu keganasan di Thailand ini dibincangkan di peringkat ASEAN memandangkan ia mempunyai kesan limpahan kepada negara-negara tersebut terutamanya Malaysia. Pergolakan yang berlarutan dan tidak menentu di selatan Thailand akan menjejaskan imej serta ekonomi negara-negara serantau dan ini akan menyebabkan banyak pelaburan perdagangan yang akan terlibat sekiranya perkara ini tidak dapat diatasi berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga dalam perbincangan serta menekankan pentingnya masalah keselamatan di selatan Thailand diselesaikan secara aman dengan menggunakan pendekatan memenangi hati dan minda, *heart and mind* penduduk tempatan dan mengambil kira sensitiviti masyarakat Islam di wilayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab kita telah mengambil masa dalam upacara mengangkat sumpah tadi, saya akan teruskan masa untuk pertanyaan selama 20 minit lagi. Saya jemput Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

9. **Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah slot (jam) yang diberikan kepada penerbit-penerbit bumiputera melalui Radio Televisyen Malaysia (RTM) bagi membantu mereka supaya mampu berdaya saing dengan penerbit-penerbit bukan bumiputera.

Timbalan Menteri Penerangan [Datuk Zainudin bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, RTM memberi 6,907 jam pada tahun 2004 kepada syarikat-syarikat bumiputera dan bukan bumiputera yang dilantik oleh Kementerian Penerangan bagi membekalkan rancangan-rancangan tempatan dan luar negara. Peruntukan perolehan kepada syarikat dibuat mengikut arahan Perbendaharaan di mana kadar perolehan mengikut ialah 60% bumiputera, 40% bukan bumiputera. Bagi membantu syarikat bumiputera mampu berdaya saing dengan penerbit-penerbit bukan bumiputera, langkah-langkah ini ditentukan iaitu:

- (i) RTM memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera yang membekalkan rancangan tempatan. RTM hanya memegang *right* untuk *free* TV dalam Malaysia sahaja dan tidak memegang *all rights*. Syarikat boleh menjual produk mereka kepada mana-mana TV stesen di Malaysia seperti Astro dan luar negara;
- (ii) mengadakan perbincangan dari semasa ke semasa dengan syarikat swasta sebelum sesuatu rancangan itu diterbitkan mengikut dasar kerajaan dan garis panduan yang telah ditetapkan, dan
- (iii) pembayaran rancangan mengikut gred penilaian. Syarikat-syarikat yang terlibat akan berusaha untuk mendapatkan gred terbaik bagi menjamin kualiti setanding dengan rancangan-rancangan swasta yang disiarkan di stesen lain.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kaedah yang diguna pakai oleh RTM dalam memberi slot ataupun *hours* kepada syarikat-syarikat produksi dan nilai perbelanjaan setahun oleh RTM untuk membeli rancangan terbitan tempatan dan juga program luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zainudin bin Maidin: Pemilihan adalah dibuat mengikut kualiti dan sesuai dengan dasar-dasar bagi nilai dan kepentingan nilai-nilai nasional, kekeluargaan dan sebagainya. Untuk jumlah bagi pembelian, saya memerlukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Memang angka-angka yang diminta.....

Datuk Zainudin bin Maidin: Tetapi, walau bagaimanapun saya boleh memaklumkan kerajaan memperuntukkan RM180 juta setahun bagi pembelian rancangan tempatan dan luar negara dengan pembahagian seperti yang telah saya terangkan iaitu RM126 juta untuk rancangan tempatan dan RM54 juta bagi rancangan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi?

10. **Puan Hajah Che Jam binti Harun** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah kegiatan Along mendapat kelulusan kementerian memandangkan mereka bertindak berani sehingga sanggup membunuh dan ada di antaranya beroperasi bersebelahan dengan bank berlesen.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

[Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan nombor 17 dan nombor 10 pada hari ini secara serentak dengan soalan nombor 6 pada 8 Disember yang juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Che Jam binti Harun dan soalan nombor 27 pada 16 Disember yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Nordin bin Che Murat memandangkan soalan-soalan tersebut menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini perniagaan pemberi pinjaman wang di negara ini dikawal di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 yang diguna pakai di Semenanjung Malaysia, manakala di negeri Sabah perniagaan dikawal oleh Ordinan Pemberi Pinjaman Wang dari Sabah dan di negeri Sarawak oleh Ordinan Pemberi Pinjaman Wang di Sarawak. Mengikut peruntukan Seksyen 5(1), Akta Pemberi Pinjaman Wang, tidak seorang pun boleh menjalankan perniagaan pemberi pinjam wang tanpa mendapat lesen yang sah. Along adalah satu nama gelaran yang ditujukan kepada mereka yang menjalankan aktiviti pemberi pinjam wang secara haram iaitu tanpa lesen yang sah. Oleh yang demikian, tidak timbul isu yang menyatakan kementerian memberi kelulusan kepada mereka untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Aktiviti-aktiviti pemberi pinjaman wang haram ini adalah merupakan satu kesalahan di bawah akta.

Mengenai Along yang beroperasi bersebelahan bank berlesen, pihak kementerian memerlukan maklumat lengkap mengenai perkara tersebut untuk diambil tindakan sewajarnya. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi membendung kegiatan ceti haram ialah dengan meminda Akta Pemberi Pinjam Wang yang diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2003 dan dari segi operasi dan penguatkuasaan, pihak kementerian juga dari semasa ke semasa membuat penggeledahan ke atas premis-premis yang mengiklankan aktiviti pemberi pinjam wang yang menghasilkan kejayaan dari semasa ke semasa.

Bagi memastikan penguatkuasaan Akta Pemberi Wang dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, pihak kementerian bercadang untuk meminda beberapa peruntukan akta tersebut bagi memberi kuasa kepada pihak polis membuat tangkapan tanpa waran ke atas orang-orang yang terlibat dengan aktiviti ceti haram. Pindaan

peruntukan-peruntukan akta tersebut dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam sesi yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Siti Zailah ada lagi soalan tambahan? Sudah lama soalan mengenai isu Along ini bergema di kedua-dua Dewan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ada sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menghidupkan Dewan, nampak sejuk sangat. Soalan tambahan saya, berapa banyakkah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat diadakan masa bagi pertanyaan bukan untuk menghidupkan Dewan tetapi untuk menguji *accountability* pemerintah. *[Ketawa]*

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Okeylah.

Tuan Yang di-Pertua: Okeylah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa banyakkah kegiatan Along setakat ini yang telah diambil tindakan di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang setakat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat ulangi soalan?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Soalan saya, setakat ini berapa banyakkah kegiatan Along yang telah diambil tindakan di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang setakat ini?

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Setakat ini, pihak kementerian telah menjalankan siasatan ke atas sejumlah 62 kes iaitu sehingga bulan November 2004 di mana sejumlah tujuh kertas siasatan akan diedarkan kepada penasihat undang-undang kementerian untuk cadangan pertuduhan ke atas beberapa kesalahan di bawah akta. Terima kasih.

11. **Datuk Kalakau bin Untol** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan kementerian mengenai isu tuntutan orang-orang tertentu dari Filipina mahupun negara Filipina ke atas Sabah yang kadangkalanya ditimbulkan di media tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan yang dikemukakan, saya dengan hormatnya memohon izin untuk menjawab secara serentak dua soalan lain yang telah dikemukakan di Dewan yang mulia ini kerana soalan-soalan tersebut adalah perkara yang sama. Soalan itu adalah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk

Agnes Shim Tshin Nyuk pada 16 Disember dan Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri pada 20 Disember 2004.

Tuntutan oleh mana-mana pihak yang menyatakan Sabah adalah milik mereka atau sebahagian daripada wilayah mereka adalah tidak berasas sama sekali. Sabah adalah sebahagian dari Malaysia yang merdeka dan berdaulat. Kemasukan Sabah ke dalam Malaysia adalah di atas pilihan warga Sabah dan telah diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Oleh yang demikian, Kerajaan Malaysia tidak perlu melayan dan tidak akan tunduk dan akan sentiasa menentang sebarang tuntutan oleh pihak-pihak asing terhadap Sabah. Kerajaan Malaysia berpegang kepada pendirian bahawa isu tuntutan ke atas Sabah oleh waris-waris Kesultanan Sulu adalah merupakan isu dalaman Filipina. Tuntutan waris Kesultanan Sulu ke atas Sabah adalah tidak bersandarkan apa-apa asas kukuh termasuk tuntutan terakhir oleh 'Brigenor Julaspi Kiram II'.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, isu siapa sebenarnya berhak menjadi Sultan Sulu masih menjadi perbalahan di kalangan waris-waris Kesultanan Sulu itu sendiri hingga kini. Pemerintah Filipina juga tidak lagi mengiktiraf kewujudan Kesultanan Sulu selepas kematian Sultan Sulu yang ke-29, Sultan Jamalul Kiram II pada 1936 tanpa menamakan sebarang waris. Selain dari itu, kawasan Sulu tidak mempunyai sebarang kedudukan dan kuasa dalam Kerajaan Filipina. Dalam hal ini, Malaysia tidak perlu merasa khuatir mengenai sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh waris-waris Kesultanan Sulu mengenai tuntutan merdeka ke atas Sabah. Oleh yang demikian, soal untuk membawa kes ini ke mahkamah antarabangsa tidak timbul sama sekali. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Adakah dalam maklumat kementerian bahawa tuntutan-tuntutan yang dibuat ini adalah disebabkan ada orang-orang tertentu ataupun orang-orang asing yang memainkan peranan supaya tuntutan-tuntutan ini dilakukan oleh mereka yang telah mengemukakan tuntutan ini?

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri. Sekiranya ada pihak-pihak luar yang di belakang tuntutan ini, saya ingin menegaskan bahawa mereka cumalah bermimpi di siang hari.

Tuan Yang di-Pertua: Ooh, Yang Berhormat bermaksud ada dalanglah?

Datuk Haji Karim Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalaulah pihak-pihak tertentu tidak mempunyai....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apabila sesuatu soalan bermula dengan kalaulah, ia memberi sebab utama saya menolak.....

Datuk Haji Karim Ghani: Aarghh....

Tuan Yang di-Pertua:kerana ia akan merupakan soalan andaian atau *hypo tractical*. Buangkan kalaulah itu.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini, Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Sabah membayar kepada waris-waris bekas Sultan Sulu sebanyak RM5,000 setahun *forever and in perpetuity*. Setahu saya, sultan adalah merupakan *sovereignty*, tetapi apabila Sultan Sulu sudah tidak wujud in *sovereignty* apakah yang tinggal menyebabkan kita masih lagi membayar kepada keturunan atau waris-waris Sultan Sulu sebanyak RM5,000 setahun *forever and in perpetuity*. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Karim. Jumlah RM5,000 yang dibayar itu adalah perjanjian lama dan telah dimeterai pada masa dahulu dan sampai sekarang masih dibayar atas dasar perjanjian berasingan, tidak kena mengena dengan tuntutan ataupun *sovereignty* satu-satu negara atau wilayah atau rakyat Sabah telah membuat keputusan dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pun telah mengiktiraf apa yang berlaku selama ini antara Sabah yang tetap kekal sebagai sebahagian daripada wilayah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Jawabnya, pembayaran hari itu lain langsung asasnya, asas pembayarannya.

12. **Puah Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah nisbah seorang warden kepada berapa banduan dan adakah kakitangan penjara mencukupi di semua penjara dan adakah kementerian bercadang untuk menilai semula gaji kakitangan ini seperti gaji polis atau imbuhan yang sepertinya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan terkini Jabatan Penjara mempunyai 9,709 orang pegawai dan terdapat seramai 33,475 orang banduan yang sedang ditahan dan menjalani hukuman. Kapasiti untuk 28 buah penjara yang ada di dalam negara kita hanyalah 25,150 orang banduan sahaja. Ini bermakna berlaku lebih muatan banduan kira-kira 8,325 orang. Keadaan ini menggambarkan nisbah

pegawai penjara kepada banduan adalah lebih tinggi dari yang dibenarkan iaitu 1 nisbah 3.

Setelah kakitangan diagihkan mengikut giliran bertugas pagi, petang, malam dan lain-lain bentuk tugas, nisbah kakitangan kepada banduan akan menjadi 1 nisbah 20. Malah bagi penjara yang besar seperti Kajang dan Sungai Buluh seseorang kakitangan telah mengawal 100 orang banduan.

Untuk memastikan bahawa nisbah antara pegawai penjara dan penghuni adalah cukupi berdasarkan keperluan semasa, rancangan telah dibuat untuk menambah bilangan perjawatan pegawai penjara. Penambahan jawatan ini akan dibuat secara berperingkat-peringkat dari semasa ke masa bergantung kepada pihak Jabatan Malaysia dan peruntukkan kewangan semasa. Kajian untuk menambah baik skim perkhidmatan, imbuhan dan kemudahan bagi pegawai penjara sedang dibuat berdasarkan kesesuaian semasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

13. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bagaimana cara dan bilakah perancangan kementerian bagi melaksanakan konsep bekerja dari rumah untuk menambah pendapatan suri rumah.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Bismillahi Rahmaani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli Senator yang baru mengangkat sumpah, saya percaya mereka akan dapat memberi sumbangan yang bermakna sekali kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kerajaan telah setuju pada prinsipnya untuk memperkenalkan konsep bekerja dari rumah atau dengan izin, *home of peace* sebagai satu kerja automatif kepada masyarakat Malaysia khususnya bagi golongan wanita, orang kurang upaya dan warga emas. Konsep home of peace ini merujuk kepada orang yang bekerja di rumah sendiri. Mereka mungkin mempunyai syarikat sendiri ataupun mempunyai pekerjaan dengan sesebuah syarikat tetapi tidak berada di premis pejabat majikan dalam melaksanakan kerja harian mereka. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedang bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk

merangka garis panduan permohonan lesen *home of peace* yang seragam untuk digunakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Malaysia.

Tindakan ini melibatkan aspek mengkaji dan menyediakan syarat serta peraturan yang perlu dikenakan oleh PBT ke atas premis yang digunakan untuk *home of peace*. Sehubungan itu tarikh melaksanakan konsep bekerja dari rumah atau *home of peace* akan ditetapkan selepas garis panduan dan syarat yang dinyatakan tadi siap sepenuhnya. Adalah dijangka konsep *home of peace* dapat dilaksanakan insya-Allah pada tahun akhir 2005. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Mohammed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memang terbukti peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah pun memainkan peranan yang berkesan kepada negara. Bagaimana konsep bekerja dari rumah ini dapat dinikmati oleh mereka yang berada di luar bandar kerana *advantage* sekarang ini nampaknya di bandar. Terima kasih.

Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, apabila konsep *home of peace* ini menjadi kenyataan insya-Allah ianya akan dibuka oleh semua rakyat Malaysia, ianya bukan tertumpu di Kuala Lumpur malah kumpulan sasar kita ialah warga emas dan orang kurang upaya, wanita dan juga kaum bapa. Mereka yang minat bekerja terutama tiada halangan untuk mereka mengambil manfaat daripada kelonggaran yang diberi oleh pihak kerajaan insya-Allah kementerian kita akan pantau dan tentu bahawa mereka yang berada di luar bandar akan menikmati *facilities* yang ada ini. Terima kasih.

14. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kementerian mengambil masa yang lama untuk mengenal pasti isu projek pembinaan sekolah-sekolah yang terbengkalai manakala bangunan yang dapat disiapkan pula mempunyai berbagai masalah seperti kebocoran, keretakan pada struktur yang menyebabkan ia tidak sesuai digunakan. Apakah pelan tindakan yang dipraktikkan di peringkat Kementerian dalam tempoh pembinaan dijalankan ke atas sesuatu projek pembinaan sekolah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di Pertua, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti isu projek pembinaan sekolah-sekolah yang terbengkalai semenjak dari awal lagi menerusi pemantauan projek yang berterusan. Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran telah

menubuhkan Jawatankuasa Penyelamat dan Penyiap Projek Sakit ataupun JKPPPS untuk menjalankan pemantauan projek-projek tersebut.

Kontraktor-kontraktor yang gagal menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan telah ditamatkan kontrak serta disenaraihitamkan. Bagi meneruskan pembinaan projek-projek ini, Kementerian Pelajaran menerusi Jawatankuasa Penyelamat dan Penyiap Projek Sakit ataupun JKPPPS akan melantik hanya kontraktor-kontraktor yang mempunyai prestasi cemerlang yang dikemukakan oleh JKR untuk meneruskan pelaksanaan projek-projek tersebut.

Kementerian ini juga telah mengenal pasti kecacatan seperti kebocoran dan keretakan pada projek-projek dan tindakan membaikinya telah diarahkan kepada kontraktor utama. Jika kontraktor utama gagal menyempurnakan tanggungjawabnya, kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan melalui pelantikan pihak ketiga oleh Kementerian Pelajaran.

Pelan tindakan yang dilaksanakan oleh kementerian dalam pelaksanaan sesuatu projek dilaksanakan di peringkat tapak dan juga di peringkat kementerian. Di peringkat tapak pihak JPN ataupun Jabatan Pendidikan Negeri, pihak PPD ataupun Pejabat Pelajaran Daerah dan PMC akan menilai dan memantau pelaksanaan kerja manakala di peringkat kementerian pula mesyuarat penyelarasan bulanan, mesyuarat jawatankuasa pembangunan dan mesyuarat jawatankuasa pembangunan peringkat menteri diadakan secara berkala.

Program pemimpin turun ke padang yang melibatkan pegawai tinggi Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Yang Berhormat Menteri juga turut diadakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan tamat.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Masa tamat.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya tempohkan sidang Dewan sehingga pukul 11.40 pagi.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 11.30 pagi

Mesyuarat disambung semula pada pukul 11.40 pagi.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya kita belum boleh meneruskan urusan mesyuarat. Maka saya tempohkan Mesyuarat kita sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 11.43 pagi.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bercadang untuk menjadi suatu pihak kepada Konvensyen Antarabangsa bagi Pembanterasan Pembiayaan Keganasan dan Konvensyen Antarabangsa Menentang Pengambilan Tebusan 1999. Antara obligasi yang akan perlu dipenuhi oleh Malaysia di bawah kedua-dua konvensyen itu ialah mewujudkan kesalahan membiayai keganasan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Kanun Keseksaan dalam Mesyuarat Belanjawannya tahun lalu dan Rang undang-undang meminda Kanun Keseksaan untuk memasukkan peruntukan tentang kesalahan membiayai keganasan itu telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan telah diwartakan pada 25 Disember 2003. Untuk membolehkan Malaysia melaksanakan peruntukan baru dalam Kanun Keseksaan itu, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 perlu dipinda untuk memberi bidang kuasa jenayah

luar wilayah kepada mahkamah di Malaysia supaya mahkamah itu dapat membicarakan kesalahan yang berlaku di luar wilayah Malaysia.

Oleh yang demikian, Fasal 2 rang undang-undang ini dicadangkan supaya subseksyen 22(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dipinda untuk meluaskan bidang kuasa jenayah luar wilayah Mahkamah Tinggi supaya meliputi kesalahan yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 50 dan 87 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 juga dicadangkan dipinda untuk memudahkan pemberian Notis Rayuan apabila sesuatu kes di bawa ke peringkat rayuan ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Pindaan itu akan membolehkan Peguamcara Negara atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Peguam Negara Malaysia menandatangani suatu notis rayuan.

Pindaan-pindaan itu dicadangkan dalam Fasal 3 dan 4 rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-Undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

2.40 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat suka hati untuk mengambil bahagian dalam perbincangan cadangan-cadangan untuk meminda Akta 1991 itu. Memandangkan pada masa kini kita dapati banyak keganasan berlaku di seluruh dunia dan kalau tidak diawasi dengan baik, ia akan merebak ke Malaysia kita. Sungguhpun pada ketika ini nampaknya kita masih selamat kerana semua pihak yang menjaga keselamatan kita telah berfungsi dengan baik, tetapi apa yang diperlukan hanya satu kelalaian atau satu masalah untuk mewujudkan suatu keadaan yang kurang selesa di Malaysia kita ini. Kita nampak di negeri Thailand sekarang ada masalah-masalah tertentu yang mengakibatkan banyak masalah kepada penduduk-penduduk di sana dan kita tidak mahu melihat perkara seperti ini berlaku di

Malaysia. Kita juga ada satu contoh Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila Malaysia dituduh oleh masyarakat antarabangsa bahawa kita telah menjual peralatan nuklear iaitu satu peralatan yang boleh diguna untuk memproses uranium dan sebagainya. Ini disebabkan kita ada seorang bukan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya mohon laluan?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Apabila saya memanggil Yang Berhormat dahulu tadi, saya mengharapkan mendengar suatu perbahasan mula-mula sekali ialah mengenai dengan prinsip-prinsip perundangan yang terlibat dengan pindaan ini, lebih daripada perbahasan di atas keganasan yang kita sedia maklum sudah meluas perbahasannya. Bolehkah Yang Berhormat membantu kita lebih memahami bagaimana pindaan ini menyentuh prinsip-prinsip perundangan dan kedaulatan undang-undang dan sebagainya. Saya mengharapkan demikian rupa kerana Yang Berhormat adalah seorang yang banyak berilmu dan berpengalaman, sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang saya akan pergi ke perkara itu tidak lama lagi tetapi saya kena memberi suatu gambaran yang sempurna supaya kita dapat menyokong cadangan-cadangan ini kerana masalah-masalah yang timbul akibat daripada kelemahan perundangan yang sedia ada. Oleh sebab itu, maka kita kena memberi banyak penjelasan kepada pihak-pihak tertentu kenapa di Malaysia ini kita tidak dapat membereskan sesuatu, memandangkan banyak negara antarabangsa itu melihat Malaysia sebagai satu bertindak utama dalam mengatasi masalah-masalah keganasan dan di sini pindaan yang telah dicadangkan kepada akta ini akan memulihkan Malaysia itu memainkan peranan seperti yang diharapkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kementerian yang berkenaan tentang perkara-perkara yang ada kaitan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan untuk memperkuatkan lagi sistem perundangan supaya pihak-pihak yang melakukan keganasan itu tidak menggunakan Malaysia sebagai satu tempat di mana mereka boleh mendapat perlindungan. Oleh kerana itu saya amat mengalu-alukan cadangan yang telah dibuat untuk memperkuatkan lagi sistem perundangan supaya pihak-pihak yang mengambil kesempatan ini dapat dikesan dan didakwa di sini dan saya harap kita akan berjaya selepas itu untuk menangani masalah-masalah

keganasan dan juga jenayah-jenayah berjenis lain yang mungkin terlibat. Kalau kita tidak ada satu perjanjian ekstradisi ataupun kita tidak ada satu sistem perundangan yang boleh mengambil tindakan dengan tegas dan cepat terhadap jenayah-jenayah seperti ini, maka kita akan pada satu ketika nanti dilihat sebagai satu negara yang lemah dalam arena antarabangsa untuk membantu dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya hendak tahu kenapa Peguamcara Negara itu disebutkan sebagai satu pihak yang boleh menandatangani surat-surat rayuan, memandangkan beliau dengan Peguam Negara Malaysia, kedua-dua pihak ini pun sangat-sangat sibuk memandangkan sudah ada pegawai-pegawai yang boleh dinamakan untuk memberi persetujuan kepada perkara-perkara ini kenapa Peguamcara Negara yang merupakan seorang yang sama sibuk dengan Peguam Negara Malaysia itu dinamakan sebagai pihak yang boleh menandatangani iaitu pindaan kepada Seksyen 87 itu? Ini bukannya akan merumitkan lagi proses itu ataupun adakah ini akan melambatkan proses untuk membawa pihak-pihak tertentu itu ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sudah ada peruntukan di bawah pindaan kepada Seksyen 87 itu untuk membolehkan siapa lagi pegawai juga boleh berbuat demikian. Adakah perlunya kita tambah Peguamcara Negara? Ini adalah satu pertanyaan yang saya harap tadi saya telah mendengar pindaan-pindaan yang dicadangkan tetapi saya tidak mendengar sebabnya Peguamcara Negara itu telah dinamakan sebagai satu pihak, kerana saya memandangkan beliau juga seorang yang sangat-sangat sibuk. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yaakob.

2.45 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas keizinan Tuan Yang di-Pertua membenarkan saya untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh sebagaimana yang telah disebutkan tadi iaitu pindaan seksyen 22, seksyen 50 dan pindaan seksyen 87. Namun begitu, saya ingin mohon izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menyentuh sedikit berkaitan dengan kata-kata pagi tadi, amanat yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua

berkaitan dengan *Separation of Power*, berkaitan dengan *The Rules of Law* iaitu terdapat tiga bidang, bidang perundangan, eksekutif dan juga kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kata-kata Tuan Yang di-Pertua pagi tadi, berkaitan dengan Parlimen kita mengalami satu proses evolusi, sebuah Parlimen yang terbilang iaitu menuju sebuah Parlimen yang dihormati dunia bertaraf antarabangsa.

Namun begitu, hati saya terpanggil dengan kata-kata yang dicetuskan oleh Tuan Yang di-Pertua itu apabila pagi tadi berlaku sedikit kekeliruan tentang pembentangan bacaan kali yang kedua. Di sini saya ingin tujukan perkara ini kepada Ketua Setiausaha Negara dan khususnya kepada pegawai-pegawai kerajaan. Hasrat sebagaimana yang dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri pagi tadi agak terpalit, agak cacat apabila berlakunya kelemahan pagi tadi. Saya suka membangkitkan agar perkara seperti ini tidak berulang, pisang tidak berbuah dua kali kerana ianya boleh mencemarkan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat memang Yang Berhormat Menteri diberi tanggungjawab yang begitu berat dengan bidang-bidang yang telah ditentukan, namun saya tidak boleh menerima hakikat kalau dikatakan pegawai kerajaan juga mempunyai masalah. Sepatutnya kalau dilihat kepada Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini jelas telah pun dinyatakan agenda. Sepatutnya pegawai kerajaan lebih sensitif, lebih peka, jangan sampai berlakunya perkara yang saya nyatakan itu, boleh menjejaskan hasrat negara, hasrat Tuan Yang di-Pertua sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu, bagi menghormati Dewan yang mulia ini, saya mohon satu penjelasan, kalau boleh di dalam Dewan yang mulia ini daripada pegawai kerajaan, daripada Ketua Setiausaha Negara bagaimana perkara ini boleh berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pindaan undang-undang ini, suka saya menyatakan rasa kebanggaan sistem kehakiman di negara kita, walaupun kita pernah melihat di negara-negara jiran, di negara-negara antarabangsa pernah sistem kehakiman dan perundangan mereka tercemar dek bak kata orang akibat daripada beberapa kelemahan. Namun, walaupun pihak pembangkang pernah mempersoalkan kedudukan integrasi, ketelusan ataupun keutuhan sistem kehakiman kita, namun hari ini terbukti sistem kehakiman dan perundangan negara kita masih mantap, masih mendapat penghormatan, pengiktirafan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ketua Hakim Negara kerana beberapa ketika dahulu pernah membuat beberapa pengakuan (*statement*) akan hakikat badan perundangan kehakiman negara perlu suatu rombakan ataupun *reengineering* bagi mengatasi masalah-masalah yang memang dikenali di samping kebaikan dan kegemilangan nama baik sistem kehakiman kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu, saya pernah membangkitkan beberapa persoalan dalam Dewan yang mulia ini, tentang *backlog*, tentang jumlah nisbah sama ada hakimnya dengan kes-kes yang ada setimpal atau tidak kelemahan-kelemahan, namun kadang-kadang sebagai Ahli Dewan Negara dalam Dewan yang mulia ini, saya terpanggil dan bagi pihak kawan-kawan yang lain kadang-kadang persoalan yang dibangkitkan dalam Dewan ini tidak mendapat jawapan. Kadang-kadang jawapan yang kami dengar melalui surat khabar yang dihebahkan. Yang sebaiknya persoalan-persoalan yang dibangkitkan Dewan yang mulia ini, patutlah pihak pegawai-pegawai kerajaan lebih serius, lebih prihatin dan lebih teliti agar suara-suara yang kami bawa dihargai jangan menganggap sebagai Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Negara apabila persoalan dibangkitkan, mungkin boleh diam, tetapi mungkin boleh memberi jawapan, insya-Allah, komen-komen pandangan akan diberi perhatian.

Pada saya masa sudah pun berlalu dan di pihak kementerian dan di pihak jabatan-jabatan kerajaan termasuk jabatan yang menangani soal perundangan hendaklah mempunyai suatu sistem maklumat, IT yang tercanggih walaupun kita telah pun gembar-gemburkan, diwar-warkan tentang keistimewaan IT yang kita ada, tetapi persoalan-persoalan yang dibangkitkan umpamanya saya ulangi, saya persoalkan tentang jumlah *backlog*, jumlah hakim dan sebagainya tidak diberikan jawapan di dalam Dewan yang mulia ini.

Namun, di dalam akta pindaan ini suka saya *narrow down* kepada punca-punca yang dapat kita lihat dan tidak dapat dinafikan terdapat *loophole* beberapa kelemahan yang masih boleh sama-sama kita tinjau untuk memartabatkan lagi sistem kehakiman di negara kita. Apa pun sekali kita perlu melihat apa puncanya sesuatu kes perbicaraan di mahkamah baik di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Majistret, kita tidak dapat menerima hakikat memang berlaku kelewatan.

Saya membangkitkan persoalan ini kerana ianya masih belum lagi kita dapat lihat dan ianya bukan sebuah lampu ajaib untuk menyelesaikan masalah di Jabatan Kehakiman. Namun begitu, kita ingin melihat suatu *movement*, suatu momentum yang lebih proaktif kepada masalah yang kita hadapi pada hari ini. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidakkah terdapat ungkapan dalam bahasa Inggerisnya "*justice delayed is justice denied*".

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua tentang *justice delayed* kerana inilah angkaranya, puncanya, kalau saya dapat katakan berlaku kelewatan dari segi mewujudkan suatu keadilan melalui sistem kehakiman yang kita ada.

Jadi, punca-punca *justice delayed*, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sentuhkan itu merangkumi beberapa aspek yang perlu kita sama-sama teliti dan yang perlu pihak pentadbiran pengurusan kehakiman teliti membuat suatu perubahan, suatu penyusunan semula, saya gunakan istilah Tuan Yang di-Pertua juga, *engineering*, suatu rombakan yang mungkin tidak begitu radikal tetapi secara evolusi, namun begitu, titik permulaan harus menunjukkan ke arah itu, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita lihat tentang perkembangan IT hari ini dan dunia, apakah sistem ataupun pengurusan kehakiman kita menghalatujukan ke arah itu. Saya tidak tahu, mungkin pengalaman saya dalam kerajaan, saya pernah menghadiri beberapa kali perbicaraan, melihat bagaimana sistem perbicaraan itu berlaku. Umpamanya proses untuk mendengar sesuatu kes daripada A sehingga Z memang memakan masa. Kalau kata istilah Kedah itu "renyah" dan mengapa perkara itu direnyahkan, disulitkan.

Jadi, untuk mendaftar sesuatu kes di mahkamah juga terpaksa memakan masa, untuk mendapat persetujuan hakim tentang sesuatu kes, tandatangan juga memakan masa dan kadang-kadang berlaku di pihak *lawyer* terpaksa menanggungkan kesnya. Kadang-kadang berlaku di luar dugaan, hakim sendiri terpaksa cuti menyebabkan kes-kes yang sedemikian berlipat ganda.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pengalaman saya, kadang-kadang di antara saksi apabila disoalkan, *of course* yang pastinya hakim secara manual terpaksa menulis kadang-kadang terhenti, itu satu. Kadang-kadang menggunakan jurubahasa, hakim terpaksa mencatat satu persatu, satu persatu. Kalau dipanggil lima saksi, kalau

ditetapkan kes itu seminggu, ini akan memakan masa bagi penyelesaian sesuatu kes di mahkamah.

Begitu juga tentang kes yang terpaksa ditunda, umpamanya peguam-peguam tersebut terpaksa menghadiri kes-kes di mahkamah lain ataupun kes-kes di negeri lain yang memaksa kes yang sepatutnya didengar, dibicara, ditunda dan kalau dilihat sistem pengurusan mahkamah, Hakim Mahkamah pada waktu pukul 9.00 sampai pukul 10.00 atau lebih kadang-kadang pukul 11.00 hanya terpaksa mendengar kes-kes menunda tarikh, kes-kes pentadbiran dan ini telah mengambil masa kes-kes perbicaraan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya tonjolkan perkara sedemikian supaya pihak mahkamah mungkin sudah sampai masa, secara perbandingan dengan negara-negara luar, saya lihat sistem perbicaraan mereka telah pun tidak menggunakan hakim sendiri yang menulis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, walaupun perkara di depan Majlis adalah begitu khusus, pindaan-pindaan yang dibentangkan dan dicadangkan adalah khusus, saya membenarkan perbahasan yang agak meluas kerana Dewan tidak banyak diberi peluang komen dan berbahas mengenai cabang kehakiman dalam pemerintahan. Cabang eksekutif tiap-tiap hari ada masa pertanyaan satu jam didera dengan pertanyaan bertubi-tubi. Cabang legislatif pun selalu dikritik oleh media termasuk kehadiran pun di rekod dari jam ke jam, tetapi cabang kehakiman yang juga merupakan satu daripada tonggak pemerintahan demokrasi berparlimen, tidak banyak berkesempatan Yang Berhormat memberi komen dan berdebat.

Maka sebab itulah saya membenarkan perbahasan ini agak meluas. Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Agak cengkaman yang terbuku dapat diluahkan, masih lagi relevan. Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh mengenai penggunaan IT dalam sistem kehakiman kita. Mengapa tidak? Kerana pernah negara-negara lain telah pun merobah sistem, daripada hakim sendiri yang mencatat, yang memakan masa kadang-kadang berlaku salah interpretasi, *lawyer* catat lain, saksi jawab lain, hakim catat lain. Sebagai manusia biasa akan berlaku perkara yang sedemikian menyebabkan sesuatu keputusan, sesuatu rumusan mengenai sesuatu kes daripada saksi mungkin boleh

ditakrifkan dalam *lawyer* peguam yang lain, hakim sendiri yang lain dan saksi sendiri bercakap dia tidak berkata begitu.

Saya suka menyarankan kepada pihak kehakiman mungkin melihat balik secara *overall system* pembicaraan, apakah boleh hakim menggunakan *stenographer* untuk mencatat *to be exact* ataupun boleh sekarang ini IT menggunakan *laptop*. *Lawyer* juga boleh *key-in*, hakim juga boleh melihat menggunakan sistem komputer di mahkamah, jadi masa boleh dipendekkan dan maklumat yang dapat dicatat lebih tetap.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat jawapan daripada pihak Jabatan Kehakiman berkaitan dengan pada ketika ini, berapakah tunggakan kes-kes di Mahkamah Persekutuan yang tertangguh antara tiga tahun dan kemudian kes-kes tertangguh antara lima tahun, kes-kes yang tertangguh sepuluh tahun atau ada atau tidak kes-kes sehingga dua puluh tahun masih belum dibicarakan, kerana ini ada kaitan dengan kadang-kadang pertuduhan telah pun dibuat dan mangsa terpaksa meringkuk di dalam penjara, belum tentu dia bersalah. Tetapi kalau berlaku dia tidak bersalah beliau telah pun berada umpamanya enam bulan ataupun setahun dalam tahanan, ini mempertikaikan soal *human rights*, soal *justice*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat sanggup sebagai seorang Ahli Dewan menyokong apa jua undang-undang yang akan dibentangkan bagi memperundangkan inovasi dan pembaharuan ini?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakan-rakan saya yang lain pun akan sahut seruan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna langkah inovatif sekalipun boleh, jika ianya diperundangkan supaya boleh.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Demi kebaikan rakyat, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, itu yang pertama. Begitu juga dengan kes-kes yang saya sebutkan tadi di Mahkamah Persekutuan. Tentang tahunnya sama 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun ataupun 20 tahun tunggakan. Jadi, Mahkamah Rayuan juga masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Kes-kes rayuan yang hanya didengar berdasarkan fakta yang dibentangkan oleh Mahkamah Persekutuan, berapa banyak tertangguh. Begitu juga dengan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta biarlah jawapan ini dijawab di dalam Dewan ini juga kerana ada masa. Saya tidak mahu jawapan ini dijawab kepada surat-surat

khobar, seolah-olah perkara ini yang kita bangkitkan tetapi dibangkitkan dijawab kepada surat khobar. Sekurang-kurangnya maruah ataupun kemuliaan Dewan ini dihormati berhadapan dengan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri. Saya minta maaf, Tuan Hassan bin Haji Shukri, saya akan jemput Yang Berhormat Dato' kemudian. Silakan.

3.02 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan suatu rang undang-undang bagi tujuan untuk meminda Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman 1964 ataupun Akta 91.

Saya yakin bahawa di antara tujuan utama pindaan ini dikemukakan ialah untuk memantapkan lagi undang-undang dan perjalanan kehakiman di negara kita ini. Sudah tentulah pindaan ini dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini, setelah pihak yang bertanggungjawab melihat sesungguhnya sejak tahun 1964 dan sekarang ini tahun 2004, ini bermakna 40 tahun, saya tidak tahu sama ada dalam tempoh 40 tahun ini pernah dikemukakan pindaan-pindaan kepada Dewan-dewan yang bersidang sebelum ini.

Walau bagaimanapun, kalau kita melihat kepada tujuan pindaan Fasal 2 untuk meminda seksyen 22(1) Akta 91 ialah untuk meluaskan bidang kuasa jenayah luar wilayah Mahkamah Tinggi kepada kesalahan di bawah bab baru 6(a) Kanun Keseksaan. Ini bermakna bahawa Kanun Keseksaan yang baru ini ada memberikan peruntukan kepada pihak yang berkuasa sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika membentangkan rang undang-undang ini bahawa di antaranya ialah untuk mewujudkan suatu kesalahan di atas sebarang apa jua rupa bentuk pembiayaan yang boleh menimbulkan ataupun yang boleh mencergaskan lagi kegiatan-kegiatan keganasan di negara ini ataupun di wilayah-wilayah sekitarnya.

Maka saya kira pindaan ini adalah tepat kerana ianya memberi kuasa kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi melaksanakan kehendak-kehendak bab baru 6(a) Kanun Keseksaan yang disebutkan di sini ialah untuk menambah alasan tambahan yang berasaskan kepada bidang kuasa jenayah luar wilayah boleh diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembiayaan terhadap kegiatan-kegiatan keganasan, setakat ini kita belum lagi melihat kegiatan-kegiatan ganas ini berlaku di negara kita. Walau bagaimanapun, rang undang-undang yang akan kita luluskan ini dan ia akan menjadi undang-undang apabila kita luluskan, kita mengharapkan supaya ianya memberikan suatu kekuatan, suatu kemantapan kepada undang-undang yang sudah sedia ada dan juga ianya memberikan keselesaan kepada perjalanan kehakiman di negara kita ini. Walaupun sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad tadi sedikit sebanyak telah menimbulkan ataupun telah mempertikaikan sedikit tentang perjalanan penghakiman di negara kita ini yang kadang-kadang ianya memakan waktu yang begitu panjang.

Saya mengharapkan dengan pindaan ini sebarang apa jua pertikaian yang di bawa ke mahkamah akan dapat disegerakan dan ia tidak akan menimbulkan persoalan-persoalan yang boleh meragukan rakyat negara kita ini terhadap kekuatan undang-undang dan juga perjalanan kehakiman di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang keganasan, cuma yang saya harapkan supaya pengertian keganasan ini tidak akan disalahtakrifkan oleh sesetengah kalangan, kemudian waktu kita hendak melaksanakan undang-undang ini kita mengambil pengertian dan takrif-takrif yang dibuat oleh orang-orang luar terhadap perlakuan keganasan. Yang berlaku mungkin di sesetengah negara terutama sekali baru-baru ini di negara yang berhampiran dengan kita.

Saya berpeluang untuk melihat, saya ingat Filem Siasat yang telah menunjukkan bagaimana dahsyatnya perbuatan yang telah dilakukan oleh pihak Tentera dan Polis Siam ataupun Thailand terhadap mereka yang ditahan. Kita tidak menghalang kalau ada undang-undang dalam negeri itu membenarkan mana-mana orang boleh ditahan tetapi saya kira perkara-perkara yang perlu kita ambil kira bahawa apabila seseorang itu ditahan, ianya haruslah berlandaskan kepada undang-undang, bukan dilakukan tindakan mengikut hawa nafsu semata-mata. Kalau ini berlaku,

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu dikatakan *the rule of law*.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, tidak mengikut *rule of law* maknanya itulah yang saya hendak sebutkan, bukan di sini tetapi di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan *the rule of the gun*, bukan *the rule of money*, bukan *the rule of convenience*, bukan *the rule of men and women*, bukan *the rule of mighty* tetapi *the rule of law*.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, saya bersetuju itu. Saya menyebutkan ini, saya lihat mungkin undang-undang ada di negara Thailand tetapi ianya tidak dijalankan mengikut cara yang dikehendaki. Jadi, tindakan-tindakan yang begitu sehingga saya difahamkan sampai merisaukan kepada Raja Siam dan juga Permaisuri Thailand sendiri terhadap tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak tentera di Siam itu..

Saya menyebutkan ini supaya sebarang apa jua bentuk pembiayaan yang kita kira akan dimasukkan sebagai suatu kesalahan dalam undang-undang kita besok supaya ianya jangan kita mendengar pengertian-pengertian keganasan daripada pihak-pihak yang lain, sebab saya melihat, tadi saya cuba membuat soalan tambahan tetapi jawapannya tidak begitu memuaskan hati sayalah. Kerana saya menyebut sekarang ini ada pihak-pihak luar yang cuba campur tangan dalam sesebuah negara mereka bertujuan untuk melakukan kekacauan di dalam negara itu, walaupun negara itu sebelum ini maknanya masih boleh mengadakan perbincangan, perundingan dan sebagainya, tetapi ada pihak-pihak luar terutama sekali golongan CIA daripada Amerika, mereka sengaja masuk ke negara-negara yang mereka fikir mereka boleh mengganggu dan merosakkan kefahaman rakyat di dalam negara itu sehingga kemudiannya rakyat di dalam negara itu melakukan suatu keganasan terhadap pihak-pihak yang mereka rasa tidak senang hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebutkan dalam pindaan Fasal 3 di mana di sini barangkali tentunya setelah sekian lama ianya berjalan dan kita lihat ada sebab-sebabnya pindaan ini dibuat di mana sekarang ini memberikan kuasa ataupun membolehkan Peguamcara Negara dan mana-mana pegawai kepada mahkamah yang diberi kuasa oleh Pendakwa Raya untuk menandatangani Notis Rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

Dalam hal pindaan kepada seksyen 50 dan Mahkamah Persekutuan dalam hal pindaan kepada seksyen 87, pindaan ini bertujuan ialah untuk memudahkan pemberian Notis Rayuan. Tentulah saya kira pindaan ini bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada perayu-perayu supaya Notis Rayuan itu diluluskan dengan begitu

cepat. Kalau dahulu mungkin satu pihak sahaja peguam cara, tetapi sekarang ini pendakwa raya, orang-orang yang diberi kuasa oleh pendakwa raya boleh menandatangani Notis Rayuan, sama ada kepada Mahkamah Rayuan kepada mahkamah yang paling tinggi di Malaysia ini iaitu Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin ia dimasukkan sebagai rang undang-undang sebab di bawah sistem kita, pentadbir undang-undang terdapat Peguam Negara atau *Attorney General* dan Peguamcara Negara atau *Solicitor General* yang mana kuasa mendakwa selaku pendakwa raya hanya diberi kepada *Attorney General* atau Peguam Negara. Maka rang undang-undang ini dibentangkan kerana ia akan memperluaskan sedikit pemakaian prinsip pemisahan kuasa seperti yang disebutkan tadi *separation of powers* supaya peguam cara negara juga mempunyai kuasa-kuasa dalam hal ini sebagai pendakwa raya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua dan itu pun yang saya katakan bahawa tujuannya ialah untuk memberikan bidang kuasa kepada pihak Pendakwa Raya. Pendakwa Raya pula kalau ikut faham saya, mempunyai kuasa memberikan kebenaran kepada orang-orang tertentu atau mana-mana orang, bahasa undang-undang kita kot, mana-mana orang yang difikirkan oleh beliau layak untuk diberikan kebenaran bagi menandatangani Notis Rayuan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya yang hendak memberi kuasa itu Yang Berhormat. Yang Berhormat akan mengundi untuk memberi kuasa. Tanpa Yang Berhormat mengundi untuk memberi kuasa, mereka tiada kuasa.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, saya faham Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tidak luluskan ini barangkali lagi akan sulit mereka itu untuk melaksanakan tugas. Tentulah biasanya Dewan Negara yang mulia ini, sebarang apa jua akta ataupun akta pindaan yang dikemukakan kepada kita, apabila kita melihat ada munasabahnya, ada patutnya, ada wajarnya, maka kita memberikan sokongan terhadap sebarang apa jua pindaan yang dikemukakan kepada kita. Memanglah kuasa itu ada kepada kita, kalau kita tidak luluskan maka semua pindaan ini tidak boleh dijalankan. Tetapi adalah tidak munasabah saya kata Ahli-ahli Dewan Negara ini tidak meluluskan kerana mereka setelah 40 tahun mungkin menjalankan undang-undang yang sedia ada, kemudian dikemukakan pindaan melalui pengalaman-pengalaman dan juga melalui perjalanan mahkamah ataupun kehakiman yang telah mereka lalui, tentulah mereka mempunyai pengalaman, maka beberapa kuasa harus diturunkan supaya sebarang langkah

terutama sekali Notis Rayuan ini dapat disegerakan dan ianya tidaklah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob tadi kadang-kadang boleh melambatkan perbicaraan-perbicaraan ataupun rayuan-rayuan yang sepatutnya disegerakan, maka dengan sebab itulah ...

Tuan Yang di-Pertua: Cumanya kita ada kuasa untuk memberi kuasa selama tiga tahun sahajalah, sebab undang-undang memberi kita kuasa untuk memberi kuasa selama tiga tahun.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya bersetuju, selama tiga tahun dan bagi orang yang dilantik dua penggal maka enam tahun....

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang dikatakan *the rule of law*.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya, *the rule of law*, ada yang enam tahun. Jadi sekarang ini maknanya kita supaya membahaskan pindaan rang undang-undang ini dan saya melihat bahawa sesungguhnya pindaan ini adalah suatu pindaan yang sangat munasabah dan kita mengharapkan satu sahaja supaya apabila ianya dijalankan dan setelah diperturunkan kuasa kepada orang-orang yang tertentu dan orang-orang yang diberikan kuasa itu pula tidak menjadikan sebab melambatkan rayuan yang sama ada yang dikemukakan kepada Mahkamah Rayuan ataupun kepada Mahkamah Persekutuan. Itulah saya kira harapan semua Ahli-ahli Dewan yang ada pada hari ini.

Yang kedua yang saya ingin sebutkan di sini ialah melalui pindaan yang kita akan luluskan insya-Allah, bahawa sesungguhnya supaya ada keprihatinan pihak-pihak yang menjalankan tugas supaya sebarang apa jua langkah setelah pindaan kita luluskan ianya tidak akan menjadikan suatu perkara yang boleh melewatkan lagi rayuan-rayuan yang dikemukakan oleh pihak-pihak perayu sama ada ke Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana sebagaimana yang saya telah katakan tadi, di antara tujuan utama pindaan ini ialah untuk memantapkan lagi perjalanan undang-undang di negara kita ini dan supaya undang-undang itu dapat berjalan dengan baik dan juga perjalanan kehakiman di negara kita ini akan dilihat oleh rakyat sesungguhnya ia betul-betul berjalan mengikut kehendak-kehendak yang telah ditentukan oleh undang-undang yang tadi telah disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua apabila Dewan ini meluluskan.

Maka dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

3.16 ptg

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan sedikit DR.14/2004. Saya dengan sukacitanya mengalu-alukan semua tindakan yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menambah baik sistem kehakiman negara. Ini akan mengukuhkan pemerintahan melalui undang-undang ataupun *rule of law*, dengan izin dan akan menanamkan keyakinan bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi di antara kaum asing yang ingin melabur dan menjalankan perdagangan di tanah air.

Tuan Yang di-Pertua, satu tiang yang teguh di dalam sistem pentadbiran negara kita ialah sistem kehakiman yang begitu cekap, komprehensif dan bebas. Tumpuan harus diberikan aspek kebebasannya. Saya percaya dengan pindaan Akta Mahkamah Kehakiman 1964, di mana bidang kuasa jenayah luar wilayah Mahkamah Tinggi akan diperluaskan. Ia sesuai dan akan meningkatkan taraf kehakiman dan undang-undang.

Mereka yang mencari jalan melepaskan diri ataupun *loophole*, dengan izin, akan dikawal dengan lebih ketat oleh kerana pindaan-pindaan tersebut sasarannya untuk mencegah keganasan, akta ini harus diberi sokongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya meminta kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menyentuh satu atau dua perkara yang berkaitan dengan bil ini. Pada masa mahkamah-mahkamah masih menghadapi masalah kelewatan dan penangguhan kes-kes seperti disebutkan tadi oleh rakan saya Datuk Yaakob tentang *backlog*. Di atas sebab-sebab tertentu, satu isu besar ialah kekurangan tuan-tuan majistret, hakim-hakim Mahkamah Sesyen, hakim-hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan hakim di Mahkamah Persekutuan.

Oleh kerana yang demikian, beratus-ratus ataupun saya percaya beribu-ribu kes tidak dapat dijalankan dan seperti Tuan Yang di-Pertua sebutkan tadi *justice delayed is certainly justice denied*, dengan izin, di mana ada ramai yang dituduh, ditahan dilokap sebagai banduan reman (*remand prisoner*) dan sebagainya. Ini adalah satu situasi yang tidak adil.

Saya harap kerajaan akan mengambil perkara ini dengan serius dan menguruskan sistem di mana lebih ramai hakim dapat dilantik. Cadangan untuk melantik Jaksa-Jaksa Pendamai sebagai Majistret Kelas Dua pun baik dan diharap

dapat dilaksanakan dengan syarat bahawa Jaksa-Jaksa Pendamai tersebut ada pengetahuan undang-undang sedikit. Promosi atau naik pangkat Hakim-hakim Mahkamah Sesyen ke hakim penuh Mahkamah Tinggi harus dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, pendapat saya pada masa ini sukar atau susah sedikit hakim-hakim Mahkamah Sesyen terus naik ke Mahkamah Tinggi dan juga kerajaan diminta berusaha mengenal pasti peguam-peguam kanan ataupun *senior council*, dengan izin, dari sektor swasta untuk dilantik sebagai hakim dengan ganjaran yang sesuai. Ganjaran itu bukan ganjaran bayaran atau wang tetapi ganjaran status atau imej yang boleh menarik mereka setuju menjadi hakim barulah dapat sistem pentadbiran kehakiman diteruskan dengan licin.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya saya merayu juga kepada pihak kehakiman mengekalkan maruah dan kebebasannya. Ini adalah oleh kerana persepsi orang ramai penting. *Justice must not only be done but must be seem to be done*, dengan izin. Persepsi orang ramai ke atas Yang Arif-Yang Arif mesti sesuatu yang menghormati dan memberi keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya dengan sukacitanya menyokong suatu akta untuk meminda Akta Kehakiman 1964. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi.

3.23 ptg

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Tuan Yang di-Pertua, yang berlaku pagi ini adalah sesuatu yang memalukan. Memalukan bagi kerajaan yang bertanggungjawab. Dewan ini pasti ditangguhkan dua kali, kenapa? Ini bukan sahaja menunjukkan kelemahan-kelemahan koordinasi pengurusan iaitu sudah menunjukkan kegagalan koordinasi pengurusan.

Not only is show the weakness in administrative coordination, it's show the failure of administrative coordination dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Dimanakah putusny talian koordinasi? Adakah itu disebabkan oleh sikap yang kurang bertanggungjawab, kecuaiian, tidak ambil berat oleh pihak-pihak yang tertentu termasuk kakitangan, Timbalan Menteri dan Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *with depend and explanation* satu penjelasan kepada Dewan yang mulia ini dan juga kepada rakyat yang mengundi kerajaan yang memerintah ini. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab ini tidak boleh dielakkan. Ini telah menunjukkan sesuatu kegagalan yang mesti dicari sebabnya. Bukan sahaja untuk mengelakkan perkara ini tidak berlaku lagi tetapi juga untuk meningkatkan proses koordinasi perkara di Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh berkenaan Akta ini. Akta Kehakiman ini yang dibentangkan adalah yang dikatakan *reciprocal* oleh negara-negara tentang keganasan. Saya hendak tahu berapa negara dan negara manakah yang bersetuju dengan perkara ini dan negara manakah yang sudah mengadakan undang-undang itu diubahkan dan yang dibentangkan di negara kita ini dan di manakah undang-undang itu sudah diwujudkan dan keberkesanan undang-undang tersebut di negara-negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-10 di Laos baru-baru yang berakhir pada 30 November, satu perjanjian persahabatan dan kerjasama telah ditandatangani oleh negara-negara ASEAN. Lima negara di Luar ASEAN juga menandatangani perjanjian itu. Negara-negara tersebut ialah negara China, India, Korea Selatan dan Russia. Australia yang hadir di sidang tersebut enggan dan tidak setuju menandatangani perjanjian ini.

Nampaknya semangat *reciprocal* sudah tidak dihormati. Undang-undang ini yang dibuat di sini kerana semangat *reciprocal* di peringkat antarabangsa, saya hendak tahu dengan perkara ini apa pandangan pihak kerajaan.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, itulah apa yang dicakapkan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

3.27 ptg

Tuan Tay Puay Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lanjutan dari penghujahan yang diutarakan oleh rakan bijaksana saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin izinkan Yang Berhormat membuat sedikit tokok tambah di sini.

Rang undang-undang hari ini untuk membuat pindaan ke atas Akta Kehakiman 1964 jika diluluskan nanti akan adanya kepincangan ataupun stigma dengan izin jika sekiranya kerajaan tidak melipatgandakan usaha untuk menandatangani seberapa

banyak yang boleh perjanjian ekstradisi dengan negara-negara luar ataupun negara-negara jiran kita.

Memandangkan jenayah keganasan adalah suatu jenayah yang mengancam keselamatan negara kita yang mempunyai kewibawaan dan kedaulatan sendiri dan juga rakyatnya kerana jenayah biasa yang dilakukan mungkin cuma melibatkan segelintir individu tentang kepentingan ataupun harta benda ataupun keselamatan dirinya. Namun, kerana buat masa ini kita juga buat ekstradisi *treaty* dengan izin dan negara-negara luar berkenaan dengan penjenayah-penjenayah yang melakukan jenayah dan melarikan diri mereka ke luar negeri. Ataupun penjenayah-penjenayah memang melakukan jenayah di dalam negara lain dan penjenayah tersebut telah melanggar undang-undang negara Malaysia kita ini.

Treaty Extradition tidak begitu ketara melibatkan banyak negara tetapi mungkin itu kita boleh memaafkan, namun sekiranya rang undang-undang ini menjadi kenyataan, menjadi suatu undang-undang nanti kelak, maka kita harus berusaha untuk memastikan sekiranya boleh semua negara dapat membuat perjanjian ekstradisi dengan negara kita berkenaan dengan kegiatan keganasan yang dilakukan ke atas negara kita baik dari segi harta benda ataupun keselamatan rakyatnya. Terima kasih

Dengan itu saya menyokong pindaan ataupun rang undang-undang yang dibentangkan ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

3.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan dalam akta ini. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohamad, Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajnam, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

Saya meneruskan jawapan kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Soalan beliau adalah kenapa Peguam Cara Negara Malaysia menandatangani suatu notis rayuan apabila beliau sibuk sangat dan juga boleh bagi tugas ini kepada

pegawai-pegawai lain. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau melihat apa yang saya baca tadi dalam ucapan teks tadi, pindaan itu akan membolehkan Peguam Cara Negara atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Peguam Negara Malaysia menandatangani suatu notis rayuan.

Ini notis rayuan daripada pihak Peguam Negara itu bukan satu notis rayuan yang serupa dengan notis rayuan yang dikuatkuasakan oleh Peguam Cara yang ahli-ahli dalam *bar council* dengan izin. Ini, apabila ada satu notis rayuan yang dibuat oleh kerajaan, itu perlu. Mesti ada satu persetujuan, kebenaran daripada Peguam Negara. Kita tidak boleh beri kebenaran ataupun beri tugas dan tanggungjawab ini kepada mana-mana pegawai untuk dengan sia-sia, boleh menguatkuasakan mana-mana satu notis rayuan.

Perlulah kita ini datang daripada Peguam Negara itu sendiri, beri kebenaran kepada mana-mana pihak dan pegawai untuk menandatangani mana-mana notis rayuan, dengan izin *it's not a simple easy matter. It could be an international matter.* Oleh sebab itu, tidaklah sebenarnya boleh diberi kuasa ini kepada mana-mana satu pihak pegawai sahaja.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, ini adalah kuasa daripada Akta Mahkamah Kehakiman 1994 iaitu akta asal. dengan izin, *This is power given from the Judicature Act* di mana kita perlu ikut kerana pindaan telah dibuat kepada Kanun Keseksaan dan telah diluluskan di dalam Dewan ini. Ini adalah *Consequential Act* dengan izin, untuk membuat pindaan oleh sebab akta ini boleh menguatkuasakan.

Kepada jawapan Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, kekeliruan yang berlaku pagi tadi dan alasannya dituju kepada pegawai-pegawai kerajaan oleh Yang Berhormat tadi dan bukan kepada menteri. Walaupun selepas itu, sedikit teguran dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, saya akan jawab kepada beliau sebentar lagi. Oleh sebab Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta penyelesaian daripada pegawai-pegawai kerajaan dan bukan kepada menteri, oleh sebab itu saya haraplah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab boleh memberi jawapan dengan secara rasmi langsung kepada Dewan yang mulia ini, salinan kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob. Disambung juga, Yang Berhormat sentuh sedikit berkaitan dengan isu-isu penangguhan kes di mahkamah. Walaupun ini adalah keluar daripada rang undang-undang yang kita

bentangkan pada petang ini, saya juga ambil kesempatanlah untuk beri jawapan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, badan kehakiman telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kes-kes tertunggak. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh badan kehakiman ialah operasi pelupusan kes-kes sivil dan juga jenayah. Walaupun Yang Berhormat sentuh kes jenayah sahaja, pra tahun 2000 dan operasi ini telah menunjukkan pencapaian pelupusan dan penyelesaian kes-kes bersama-sama dengan kedua-dua kes sivil dan jenayah amat memuaskan di seluruh negara. Arahan-arahan dan pekeliling telah dikeluarkan kepada semua pihak yang berkenaan, hakim-hakim, pegawai, kakitangan, pegawai kehakiman, timbalan pendakwa raya dan juga peguam-peguam matlamat untuk mengurangkan penangguhan perbicaraan-perbicaraan kes.

Penangguhan ini seperti Yang Berhormat tadi jelaskan, bahawa penangguhan ini berbangkit daripada banyak sektor. Ia ini bukan sahaja hakim, mungkin hakim bercuti, kursus, bukan biasalah hakim ini pergi cuti dan kursus ini, *only sometime* dengan izin, tetapi, peguam-peguam juga ada yang minta penangguhan kerana ada kes di mahkamah lain dan juga di tempat-tempat lain. Mungkin kalau dia ada satu kes di Kuala Lumpur, sekarang ada Putrajaya, ada Shah Alam dan tempat-tempat lain, mungkin di Seremban, Kajang dan ada orang pergi ke Rawang, Kuala Kubu Bharu dan sebagainya.

Oleh sebab itu, penangguhan untuk mencari satu penyelesaian untuk mengatasi masalah penangguhan ini bukan senang, ia sangat sukar. Ini kerana, kadang-kadang kalau kita beritahu ataupun peguam-peguam beritahu kepada mahkamah, ia adalah lima saksi. Setelah dia dapat selesai dua saksi, selepas itu tiga saksi dia tunggu lama di luar mahkamah itu tetapi dia hilang ataupun dia sudah balik, dia sakit, dia malas pergi kerja. Kadang-kadang kita menunggu saksi itu datang daripada Pulau Pinang, Terengganu, macam itu. So, oleh sebab itu banyak masalah dan juga jurubahasa. Sekarang ini, kita dapati kebanyakan jurubahasa yang kita dapati di mahkamah adalah jurubahasa Tamil sahaja. Jurubahasa kaum Tionghua ini kurang sangat, tidak dapat, sukar.

Ada orang yang tidak hendak bekerja kerana beberapa masalah, yang pertama gaji tidak cukup. Yang kedua, tidak ada prospek atau *future* dengan izin. Oleh sebab itu, penangguhan-penangguhan ini dan cara-cara yang dibangkitkan tadi

oleh Yang Berhormat itu benarlah. Itu adalah satu masalah yang besar. Kita harap kita boleh mengatasi masalah itu. Pada masa yang sama juga, kita akan memantau dan mengkaji untuk memperbaiki prosedur-prosedur yang sedia ada sekarang ini. Kita ada prosedur-prosedur sekarang ini kita ikut *The High Court Rules 1980*, dengan izin. Kalau saya tidak salah peruntukan-peruntukan ini, peraturan-peraturan ini, prosedur ini daripada satu buku yang kita buat tiruan daripada India. India tiru daripada Inggeris.

Pada masa sekarang ini, sudah 25 tahun, mungkin sudah sampai masa kita perlu buat pindaan untuk menyelesaikan prosedur-prosedur nanti dengan cara yang baik, di mana kita boleh cara ala-Malaysia, kita punya *Malaysia Common Law*. Pada masa yang sama, kita juga akan cubalah, ataupun dalam proses untuk menambah bilangan hakim, pegawai kehakiman dan kakitangan sokongan untuk mengatasi masalah kekurangan anggota kehakiman. Pada masa yang sama, badan kehakiman dalam proses melaksanakan sistem pengkomputeran pendaftaran kes-kes ini.

Sistem ini memproseskan pengkomputeran pendaftaran kes-kes ini. Ini juga bukan senang. Ada banyak pihak yang pakar dalam IT ini, dia dapat beri banyak konsep. Ia ada banyak konsep. Ia adalah orang yang berwibawa konsep ini kepada Jabatan Perdana Menteri. Ia ada konsep daripada New Zealand, daripada Australia, daripada England, daripada Kanada dan juga Amerika. Tetapi, konsep yang perlu kita gunakan ini, kita perlu *adjust* dan selaraskan sistem ini yang akan melicinkan proses dan cara kita mengendalikan kes di negara kita sendiri. Mungkin program-program yang dibawa oleh agen-agen berkenaan untuk kerajaan kita mengikuti salah satu program itu, kita perlu kajilah, *in short* dengan izin.

Selain daripada itu, soalan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, ini statistiklah. Tetapi, nasib baiklah saya ada statistik ini dan juga Yang Berhormat kata tadi, perlu jawapan hari ini juga. Okay, untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga September 2004, semua peringkat mahkamah di seluruh negara cuma mempunyai kes-kes tertunggak untuk satu hingga empat tahun sahaja iaitu untuk tahun 2000 hingga tahun 2004 sahaja, bukan seperti yang diminta oleh Yang Berhormat tadi, tiga tahun, lima tahun dan 20 tahun.

Untuk maklumat Yang Berhormat, statistik yang saya ada ini adalah *latest* dengan izin. Untuk Mahkamah Persekutuan, kita ada kes jenayah 57 kes sahaja. Mahkamah Rayuan kita mempunyai 561 kes dan Mahkamah Tinggi, kes jenayah kita

ada 2,974 dan Mahkamah Sesyen kita ada 5,350 kes dan Mahkamah Majistret kita mempunyai 176,021 kes. Ini paling banyak nampaknya Mahkamah Majistret. Saya hendak beritahu di sini, ini kes-kes yang berkaitan dengan *traffic offence*, yang banyak ada *traffic offence* dan saman-saman kecil, banyak.

Oleh sebab itu, kita dapati banyak kes. Sekarang ini ada juga *traffic offence* ini, banyak orang yang hadir ke mahkamah. Suatu masa dahulu, mereka ini mengaku salah, bayar denda dan habis. Sekarang ini bukan macam itu kerana kita kalau baling batu ini, jatuh kepada peguam. Yang banyak *traffic offence* ini, dia orang pun peguam. Dia datang mahkamah, dia hendak cabarlah. Dia tidak mengaku salah, dia hendak bicarakan kes itu. Oleh sebab itu, kita dapati penangguhan kes ini banyak. Itulah jawapan kepada Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang kes-kes yang ditanggung itu, adakah kerajaan ada rancangan dan juga sasaran untuk mengurangkannya dalam tahun yang akan datang dan juga dengan banyak kes yang tertanggung itu, kes-kes kehakiman itu bukan sahaja berlaku di Malaysia, di negara-negara lain pun berlaku juga. Di mana kita ada membuat kajian yang mana negara yang terbaik untuk mengurus sistem kehakiman mereka itu bolehkah kita contohi dan juga belajar supaya sistem kehakiman kita itu boleh lebih baik lagi. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Untuk maklumat Yang Berhormat, Yang Berhormat ini jangan cubalah membandingkan negara lain dengan negara kita ini. Kita punya sistem ini baik, sangat baik. Lebih baik daripada banyak sistem di seluruh dunia. Tidak ada banyak negeri yang boleh dibanggakan secara kehakiman dan juga sistem yang kita memperoleh. Saya telah memberitahu badan kehakiman telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi kes-kes tertunggak dan tadi saya sudah sebut dua, tiga perkara. Mungkin Yang Berhormat tidak dengarlah.

Lagi satu, operasi pelupusan kes-kes sivil dan juga jenayah pra 2000 dan operasi ini telah menunjukkan pencapaian. Satu pelupusan dan penyelesaian kes-kes, kedua-dua sivil dan jenayah memuaskan di seluruh negara dan juga operasi pelupusan kes sivil dan jenayah pasca 2000 telah dan sedang dilaksanakan.

Lagi satu kita ada banyak sistem dan lagi satu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, kes-kes ini kita tidak boleh diselesaikan macam itu sahaja, ini orang punya hak, dalam Perlembagaan, dalam *Constitution*, dia ada hak membawa satu isu kepada mahkamah. Selepas itu apabila kita katakan kebebasan, dengan izin,

freedom of speech, freedom of movement, freedom semualah, banyak *freedom* kita ada, ini kita semua hak dalam perlembagaan. Kalau kita kata ada satu kes banyak telah difailkan Yang Berhormat boleh bangun, boleh katakan, boleh minta kepada kita ataupun kerajaan bila boleh selesai. Katakanlah contoh Yang Berhormat sendiri ada satu, dua kes di dalam mahkamah, Yang Berhormat mesti perlu menunggu masa sebenarnya yang diambil dengan ikut sistem dan prosedur yang kita sedia ada sampai kes itu diselesaikan.

Kalau kita datang beritahu kepada mahkamah Yang Berhormat punya kes ini mengambil masa yang panjang boleh selesaikah, boleh *settle*kah? Panggil you punya peguam, *withdraw*, tarik balik kes itu, bolehkah? Tidak boleh. Oleh sebab itu, kes-kes walau pun kita ada banyak kes, ini hak rakyat, ini terserah kepada rakyat ataupun kes-kes jenayah terserah kepada Peguam Negara adakah Peguam Negara bersetuju menarik balik satu kes kalau tidak isu. Ada banyak kes yang kita fail, ada peguam-peguam sekarang ini membuat liputan dalam surat khabar juga kes ini bukan satu kes yang baik ataupun kuat atau ada *evident*, dengan izin, keterangan-keterangan yang kukuh untuk membawa hukuman kepada pesalah itu.

Tetapi kita dapati di sini kita perlu, kita tidak ada pilihan lain, kita perlu beri hak yang dia ada dalam Perlembagaan kepada setiap rakyat. Oleh sebab itu, kita perlu cari satu jalan di mana kita tidak boleh rampas hak ini daripada rakyat untuk mengatasi masalah ini, dan juga Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di bawah Menteri telah dan ada buat satu kajian di mana kita akan cadang untuk mungkin ada mahkamah-mahkamah trafik untuk kes-kes trafik sahaja.

Kalau kita keluarkan kes-kes trafik daripada jumlah yang saya beri tadi mungkin kes-kes yang diberi jumlah itu kurang sedikit. Kes-kes trafik yang agak banyak di negara ini. Dan lagi satu perkara tidak perlu kita banding, tidak perlu kita tiru daripada negara-negara lain dan kalau ada satu cadangan daripada Yang Berhormat beritahulah mana satu negeri Yang Berhormat tahu ada *indication* di mana sistem penghakimannya itu begitu baik dan ia tidak ada kes-kes tunggak dan kita boleh ikut, beritahu kepada kita secara tulis atau Yang Berhormat boleh bangun beritahu saya, kita boleh ambil tindakan yang sewajarnya.

Bagi jawapan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Sukri, saya ingat soalan itu samalah lebih kurang sama dengan soalan berkaitan dengan kes-kes tertunggak dan juga jawapan kepada Yang Berhormat S. Vijayarathnam, pelantikan

hakim kanan kita dapati ada banyak masalah, banyak *statements* yang dikeluarkan oleh badan-badan tertentu termasuk Majlis Peguam, Presiden Majlis Peguam sendiri keluaran *statement* di mana kita nampak macam kita tidak lantik ataupun *promote* dengan izin, hakim-hakim kanan.

Di sini saya akan cubalah membawa isu ini kepada Jabatan Perdana Menteri dan juga kita actually dengan izin, *as far as we can* kita akan melantik peguam-peguam yang kanan dan kita harap, saya sendiri harap peguam-peguam kanan yang akan dilantik apabila dapat *promotion* kepada Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Persekutuan dan juga daripada hakim kepada Mahkamah Sesyen dan juga daripada hakim kepada Mahkamah Tinggi, kita harap hakim-hakim yang kanan boleh dapat peluanglah untuk mendapat *promotion* ini, kalau demikian itu tidak ada masalahlah dan saya harap selepas itu tidak ada orang yang ingin bangkitkan isu itu.

Bagi jawapan kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, tadi Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi ini faham sedikit cara kita mengendalikan jawapan dan juga siapa yang bertanggungjawab untuk membuat sesuatu, untuk membawa sesuatu dokumen-dokumen ke mahkamah di Dewan yang mulia ini dan juga tanggungjawab siapa sebelum dengan izin, Yang Berhormat dengan izin, *intend to attack the minister or deputy minister*, saya harap *you understand whether you know what you are saying*, jangan...

Tuan Lee Sing Chooi: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk sekejap. Saya jawab dulu. Jangan cuba tegur atau *attack* tanpa ada pengetahuan tanggungjawab siapa itu, itu adalah salah jikalau Yang Berhormat tegur mana-mana menteri atau timbalan menteri.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat juga tidak tahu keadaan mana saya berdiri di sini hari ini. Mungkin yang terhormat tidak tahu, bukan saya yang berdiri di sini. Tetapi saya haraplah jangan buat *statement-statement* macam itu, macam memberi satu gambaran bahawa pegawai-pegawai ini teruk sekali ataupun Jabatan Peguam Negara ataupun Jabatan Perdana Menteri. Tadi, sebelum Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi jawab, Yang Berhormat Datuk Yaakob telah beri dengan jelas, dia sudah berkata, dia sudah bercakap, dia sudah berucap dan dia sudah minta dengan cara baik pegawai-pegawai bertanggungjawab beri penjelasan kepada Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, kita dapati Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi masih bangun dia tegur menteri dan timbalan menteri, ini saya tidak setuju.

Saya harap lain kali prosedur yang ada di sini di mana-mana tempat Yang Berhormat memahami dulu sebelum Yang Berhormat bangun untuk berucap dengan izin, *especially when I am answering, I won't be nice, I just give it back to you.*

Selain daripada itu, jawapan daripada Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan juga soalan-soalan yang telah di jawab tidak isu yang baru, oleh sebab saya pun tidak dapat apa-apa jawapan daripada pegawai-pegawai dan semua jawapan saya harap saya telah jawab. Tetapi saya hendak beritahu di sinilah, ini adalah satu pindaan dengan izin, *consequential* daripada pindaan yang telah kita dibuat kepada Kanun Keseksaan dan lepas itu selain daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Datuk Yaakob, Yang Berhormat Tuan Hassan Shukri, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam yang lain-lain itu saya tidak dapatlah apa-apa yang menyentuh rang undang-undang di sini dan keluar daripada rang undang-undang.

Saya harap juga di sini kalau nak bahas satu rang undang-undang hendaklah memahami apa rang undang-undang pindaan itu sebelum bangun hendak cakap dan tegur. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal 1 hingga 4 dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2004**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.58 ptg.**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bercadang untuk menjadi suatu pihak kepada konvensyen antarabangsa bagi pembanterasan pembiayaan keganasan dan konvokesyen antarabangsa tentang pengambilan tebusan 1999. Antara obligasi yang akan perlu dipenuhi Malaysia di bawah kedua-dua konvensyen itu ialah mewujudkan kesalahan membiayai keganasan di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah meluluskan pindaan kepada Kanun Keseksaan dalam mesyuarat belanjawannya tahun lalu. Rang Undang-undang meminda Kanun Keseksaan untuk memasukkan peruntukan tentang kesalahan membiayai keganasan itu telah mendapat perkenan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan telah diwartakan pada 25 Disember, 2003. Untuk membolehkan Malaysia melaksanakan peruntukkan baru dalam Kanun Keseksaan itu, Akta Mahkamah Rendah 1948, perlu dipinda untuk memberi bidang kuasa jenayah luar wilayah kepada mahkamah di Malaysia supaya mahkamah itu dapat membicarakan kesalahan yang berlaku di luar wilayah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian Fasal 2 rang undang-undang ini mencadangkan supaya subseksyen 2(2) Akta Mahkamah Rendah 1948 dipinda untuk meluaskan bidang kuasa jenayah luar wilayah mahkamah rendah supaya meliputi kesalahan yang dimaksudkan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948, dibacakan kali yang kedua sekarang. Yang Berhormat baru sahaja meluluskan pindaan kepada satu akta yang wujud semenjak tahun 1964. Ianya merupakan satu pindaan konsekuensial ekoran dari pindaan kepada Kanun Keseksaan. Kini dibentang pula pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah tahun 1948.

lanya melibatkan prinsip-prinsip yang sama dan serupa, tetapi terpaksa dibuat kerana ini adalah soal kuasa yang perlu diteliti. Maka kerajaan membentangkan rang undang-undang ini dan kini terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.01 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas penjelasan itu. Jadi, saya juga menyokong pindaan-pindaan kepada Akta 92 ini seperti yang diterangkan dan tidak ada apa yang perlu kita tambah memandangkan baru-baru ini kita telah meluluskan pindaan kepada Akta 91. Cuma ada satu perkara yang mungkin kita boleh dapat sedikit penjelasan daripada Menteri berkenaan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya ada satu perkara yang ingin saya dapatkan penjelasan daripada Menteri berkenaan tentang pelaksanaan pindaan-pindaan kepada Akta ini, iaitu bagaimana kementerian memutuskan sama ada seseorang yang melakukan kesalahan katakan di negara luar, yang melibatkan misalnya satu bangunan yang dimiliki oleh Malaysia di sesuatu negara apabila keganasan itu telah berlaku di sana, mereka yang melakukannya itu balik ke Malaysia ini dan ditahan di Malaysia.

Oleh kerana masalahnya ialah perkara itu telah dilakukan di negara lain dan mereka juga ada undang-undang yang boleh mendakwa kes ini, dan kita juga akan menggunakan undang-undang ini untuk mengambil tindakan terhadap mereka ini. Bagaimanakah kerajaan akan membuat keputusan sama ada membenarkan orang yang melakukan jenayah itu diekstradisikan kepada negara yang mana kejadian jenayah itu telah berlaku ataupun dibicarakan di Malaysia ini.

Jadi saya ingin tahu dari segi bagaimana sesuatu keputusan itu dibuat tentang sama ada lebih baik dibicarakan di negara yang mana kesalahan itu berlaku, atau di sini kerana mereka ini ditahan di sini dan berada di Malaysia selepas melakukan kesalahan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ingin berbahas tentang rang undang-undang ini? Kalau tidak ada saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng yang meminta satu penjelasan ataupun satu jawapan yang berkaitan dengan rang undang-undang pindaan ini. Jawapan itu begini Yang Berhormat, iaitu kesalahan yang berlaku di satu tempat tidak perlulah benda, barang atau harta benda yang dipunyai oleh sesiapa. Dari segi undang-undang hanya dikirakan dengan undang-undang antarabangsa tempat kejadian berlaku. Mereka ataupun negara yang di tempat kejadian itu berlaku perlu membawa pesalah itu ke mahkamah di negara itu juga.

Katakanlah bangunan itu bangunan yang dipunyai oleh Malaysia di negara lain satu kesalahan dilakukan oleh seorang rakyat Malaysia di sana, dia lari ke Malaysia selepas itu kalau mengikut Akta Ekstradisi dan juga peruntukan-peruntukan ekstradisi dan *bilateral understanding* yang dipunyai oleh kedua-dua pihak itu kita perlu hantar. Serahkan penyenaian itu kepada negara yang asal itu dan mahkamah di situ akan mengambil tindakan dan juga dengan merujuk kepada *Extradition Act* kita boleh memohon kerjasama negara-negara yang mempunyai hubungan perjanjian usaha sama dan juga kita boleh mewujudkan satu *Criminal Mutual Assistance*, di mana kita boleh guna pakai kedua-dua akta dan undang-undang yang sedia ada. Kadang-kadang kita dapati negara itu dengan izin, *demand to* hantar balik penjenayah itu ke negara asal. Tetapi kadang-kadang ada juga negara-negara tidak hantar. Kalau kita ambil contoh perkara-perkara selain daripada dengan izin, *involve* dengan *terrorism* contoh negara Chile, di mana Presidennya dihantar ke negara lain dia tidak hendak hantar balik. Adalah alasan-alasan lain, tetapi kalau ada dengan izin, *criminal activity* itu adalah hak kepada negara tempat asal di mana kejadian itu berlaku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

4.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah kedudukan ekonomi negara kita terus berada dalam keadaan yang memberangsangkan. Walaupun terdapat gangguan akibat peningkatan harga minyak yang berterusan tinggi, peningkatan kadar faedah dan pelaksanaan dasar fiskal yang lebih ketat. Berlandaskan pertumbuhan yang kukuh pada paras 5.3% pada tahun 2003, ekonomi negara telah berkembang pada kadar 7.8% bagi tempoh separuh pertama tahun 2004, iaitu melebihi daripada jangkaan.

Pertumbuhan yang menyeluruh ini dipacu oleh perkembangan permintaan domestik yang rancak dan sektor luar yang melambung dengan sektor pembuatan dan perkhidmatan menjadi penyumbang utama. Ekonomi negara terus disokong oleh asas mikro ekonomi yang kukuh. Kadar inflasi kekal rendah, indeks harga pengguna bagi tempoh Januari hingga Oktober 2004 berada pada tahap 1.2%.

Pada masa yang sama rizab antarabangsa negara terus berkembang. Kedudukan rizab antarabangsa pada 12 November 2004 adalah sebanyak RM231.4 bilion atau USD60.9. Rizab ini berupaya membiayai import negara selama 7.5 bulan. Jumlah tersebut merupakan 5.6 kali melebihi jumlah hutang jangka pendek luar

negara. Lebih dagangan terus positif selama 81 bulan berturut-turut. Bagi tempoh Januari hingga September 2004 jumlah eksport negara telah meningkat sebanyak 22.2%, iaitu peningkatan sebanyak RM64.3 bilion daripada RM280.7 bilion kepada RM354 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2003.

Berdasarkan prestasi setengah tahun pertama 2004 yang kukuh dan disokong oleh persekitaran luar yang menggalakkan, ekonomi negara dijangka terus positif walaupun terdapat peningkatan terhadap harga minyak dan kadar faedah serta pelaksanaan dasar fiskal yang lebih ketat. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka mencapai 7% lagi bagi tahun 2004 iaitu tertinggi sejak tahun 2001.

Kerajaan akan terus komited mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan defisit secara beransur-ansur melalui dasar fiskal pragmatik yang mengimbangi antara pengurusan kewangan yang berhemah dengan strategi pro pertumbuhan. Defisit Kewangan Persekutuan berbanding KDNK telah berkurangan daripada 5.6% pada tahun 2002 kepada 5.3% 2003 dan dijangka berkurangan lagi pada 4.5% pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pertambahan ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan. Ianya adalah bagi memperolehi kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2004 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Peruntukan Tambahan yang dibentangkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2004 adalah berjumlah RM6,768 juta dan dari jumlah ini hanya RM6,681.7 juta dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 rang undang-undang. Manakala bakinya sebanyak RM86.3 juta merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Dengan cadangan tambahan ini, Anggaran Perbelanjaan Mengurus pada tahun 2004 meningkat kepada RM87,298 juta iaitu bertambah 7.7 % daripada anggaran asal.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang dicadangkan ini adalah bagi membiayai perkara-perkara baru yang tidak diperuntukkan dalam bajet asal 2004 dan bagi menampung perkara-perkara yang tidak diperuntukkan secukupnya disebabkan oleh perubahan-perubahan semasa. Antaranya termasuklah tambahan subsidi barangan petroleum kerana kenaikan harga minyak global yang berterusan tinggi, penubuhan kementerian baru, keperluan-keperluan mendesak Polis Diraja Malaysia,

tambahan kos Program Latihan Khidmat Negara dan kenaikan kos biasiswa pelajar kerana perubahan kadar tukaran mata wang asing.

Sebanyak RM241.7 juta daripada cadangan tambahan ini adalah untuk merekup sejumlah Kumpulan Wang Luar Jangka yang telah dikeluarkan seperti berikut:-

- Sebanyak RM100 juta di bawah Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihanraya bagi membiayai Pilihanraya Umum Ke-11 dan Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sabah Ke-10;
- Sebanyak RM32.2 juta untuk membiayai penubuhan empat kementerian, iaitu sebanyak RM10.5 juta bagi Maksud B.31 - Kementerian Pelancongan;
- Sebanyak RM4.9 juta bagi Maksud B.52 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri;
- Sebanyak RM3.8 juta bagi Maksud B.70 – Kementerian Pengajian Tinggi;
- Sebanyak RM13 juta bagi Maksud B.71 - Kementerian Wilayah Persekutuan;
- Sebanyak RM80 juta untuk Maksud B.24 - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi membiayai Tabung Promosi Jenama Malaysia oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE);
- Sebanyak RM25 juta untuk Maksud 42 – Kementerian Kesihatan bagi membiayai dana khas penyakit kronik;
- Sebanyak RM33.8 juta Maksud 15 – Kementerian Luar Negeri untuk sumbangan kepada Kerajaan Sudan bagi membiayai Mesyuarat Menteri-menteri Luar OIC 2002; dan
- Sebanyak RM735 ribu untuk Maksud B.9 – Badan Pencegah Rasuah bagi membiayai pelaksanaan Pelan Integrasi Nasional (PIN).

Sebanyak RM6,440 juta adalah cadangan tambahan secara langsung bagi tujuan seperti berikut:-

- Sebanyak RM156.8 juta untuk Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membiayai tambahan kos biasiswa

- pelajar kerana kenaikan kadar tukaran mata wang asing dan pertambahan bilangan tajaan pelajar;
- Sebanyak RM4,338 juta di bawah Maksud B.12 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk membiayai tambahan subsidi barangan petroleum, membiayai tambahan subsidi Skim Tabung Kredit Mikro dan prasarana pengangkutan Lembah Klang dan lain-lain tanggungan;
 - Sebanyak RM15 juta di bawah Maksud 28 – Kementerian Pengangkutan untuk membayar hutang komersial Perbadanan Aset Keretapi yang dipindahkan daripada Kereta Api Tanah Melayu Berhad, bayaran insentif syarikat perkapalan asing bagi membawa masuk lebih banyak kargo melalui pelabuhan Tanjung Pelepas, kempen keselamatan jalan raya dan subsidi kepada Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) untuk penerbangan kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak;
 - Sebanyak RM8.6 juta di bawah Maksud B.31 – Kementerian Pelancongan adalah untuk membiayai pertambahan jawatan baru promosi pelancongan dan Mesyuarat Menteri Pelancongan Komanwel;
 - Sebanyak RM400 juta di bawah Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran bagi membiayai tambahan emolument untuk perjawatan baru penggredan semula jawatan dan bayaran insentif kepada guru yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris;
 - Sebanyak RM646.8 juta di bawah Maksud B.42 - Kementerian Kesihatan bagi membiayai tambahan sumbangan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), emolument untuk perjawatan baru, penggredan semula, pelarasan gaji, pembelian ubat, bahan makanan dan bayaran utiliti klinik dan hospital;
 - Sebanyak RM156.8 juta di bawah Maksud B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi membiayai Program Pembersihan Pihak Berkuasa Tempatan di bawah pakej rangsangan;

- Sebanyak RM250 juta di bawah B.50 – Kementerian Pertahanan untuk membiayai tambahan kos Program Latihan Khidmat Negara; dan
- Sebanyak RM468 juta di bawah Maksud B.52 – Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk membiayai pertambahan emolumen kerana perjawatan dan elaun baru serta penyelarasan gaji bagi Skim Perkhidmatan Polis, pembaikan bangunan lama dan pembelian kenderaan dan peralatan untuk PDRM, membiayai Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis dan bayaran sagu hati kepada bekas polis.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 2004 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36 Tahun 2004 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 36A Tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.23 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan kepada Akta Perbekalan Tambahan 2004 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik kepada beberapa tajuk yang telah dibentangkan itu dan saya ingin memberi sedikit pendapat saya tentang isu-isu yang mengakibatkan perbelanjaan itu dibuat.

Yang pertama, memandangkan B.12 itu melibatkan Perbendaharaan, maka saya mula dengan tajuk ini. Di bawah B.12 itu ada empat maksud yang memerlukan sebanyak RM4.338 juta sebagai tambahan dan daripada amaun ini RM6 juta ialah untuk pelaksanaan penyusunan semula, pengangkutan di Lembah Klang.

Kita sekarang melihat di Kuala Lumpur bahawa satu syarikat baru iaitu RAPID KL telah mula bertugas. RAPID KL iaitu satu Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Kuala Lumpur dan apabila saya membuat penyemakan tentang perkara ini, saya dapati bahawa syarikat yang baru ini sekarang akan lebih kurang mengambil bahagian dalam 65% daripada semua perkhidmatan pengangkutan awam di Lembah Klang ini.

Ini pada saya adalah satu perkembangan yang baik sekali memandangkan kerajaan sudah menjadi satu operator yang besar dalam sektor ini. RAPID KL ini melibatkan dua laluan LRT iaitu Putraline dan Starline dan juga mengambil alih 107 perjalanan-perjalanan bas yang sekarang di bawah syarikat Intrakota dan juga Cityliner. Nampaknya ini adalah satu perkembangan yang ditunggu-tunggu oleh rakyat kita dan kalau diuruskan dengan baik, maka saya ada banyak harapan bahawa kesesakan-kesesakan lalu lintas di ibu negara kita akan diselesaikan. Tetapi sungguhpun ini adalah satu harapan sahaja kerana syarikat ini baru mula beroperasi, saya berharap kerajaan akan selalu memberi pemantauan kepada perkara-perkara pengangkutan awam ini dan oleh kerana pada akhirnya ini bukan sahaja akan menelan perbelanjaan sebanyak RM6 juta sahaja, tetapi saya telah dapati ia akan memerlukan lebih lagi peruntukan daripada kerajaan.

Bolehkah kita meminta supaya perkara-perkara rumit yang sedang wujud sekarang juga diambil kira. Pertamanya stesen-stesen Putraline, Starline yang tidak diselaraskan dengan baik itu harus diberi perhatian supaya pengguna-pengguna perkhidmatan ini tidak perlu lari dari satu tempat ke tempat lain. Sebagai contoh di Masjid Jamek itu sendiri kita dapati dari satu laluan ke laluan lain kita kena keluar dan masuk lagi ke stesen. Bolehkah ini diberi perhatian supaya masalah-masalah ini dapat dibereskan? Juga ada banyak lagi masalah di antara *route*, *route* atau perjalanan-perjalanan bas-bas itu sering kali ada yang tidak diberi perhatian atau perkhidmatan, dan ada yang diberi perkhidmatan yang terlalu banyak sehingga tidak menjadi lumayan lagi bagi operator-operator itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita masih mendapati ada beberapa operator yang dibenarkan kerana syarikat RAPID KL ini hanya mengambil 65% daripada semua perkhidmatan pengangkutan awam. Yang lain, yang masih beroperasi ialah KTM komuter, Monorel, Metro Bus, Len Seng Omni Bus dan lain-lain. Bolehkah kita mengkaji, adakah lebih baik bahawa mereka ini diminta bekerjasama dengan syarikat baru ini ataupun lebih baik mereka diberi peluang lagi untuk menjadi satu lagi operator supaya Rapid KL itu tidak memonopoli dan monopoli mungkin akan melemahkan perkhidmatan ini. Perkara yang seperti ini saya juga minta dipanjangkan ke bandar-bandar besar yang lain.

Menteri Kewangan dan juga Setiausaha Parlimen itu dari Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap dengan meluluskan peruntukan tambahan ini, maka satu pemikiran akan dibuat kepada bandar-bandar besar yang lain seperti Pulau Pinang, Johor Bahru, yang mungkin memerlukan perkhidmatan berintegrasi seperti ini. Kalau kita melihat keadaan di Pulau Pinang sekarang, maka sangat-sangat memalukan Tuan Yang di-Pertua, kerana bas-bas itu tidak mengikut jadual, bas-bas itu selalu ada masalah kerana tidak mengikut *route* atau perjalanan yang telah ditetapkan.

Selalu juga tidak ada perkhidmatan seperti yang dijanjikan. Oleh kerana kita melihat bahawa satu usaha yang begitu kuat telah dibuat oleh kerajaan dalam mengatasi masalah pengangkutan awam di Kuala Lumpur ini, maka Tuan Yang di-Pertua sudah sampailah masanya supaya idea ini juga dipanjangkan kepada bandar-bandar lain. Kita juga memberi bantuan dan saya berharap selepas pengalaman yang diperolehi daripada Rapid Kuala Lumpur ini, maka mereka juga akan diminta mengkaji kesesuaian untuk memberi perkhidmatan kepada bandar-bandar utama yang lain, yang kini menghadapi masalah lalu lintas dan kalau tidak diatasi, maka akan menyebabkan kesesakan sehingga wujudnya banyak lagi permasalahan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah tajuk B.12 juga ada satu peruntukan bagi subsidi kepada LPG dan diesel. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju oleh kerana kenaikan harga minyak, maka kita perlu melihat dari segi bagaimana sektor ini tidak dapat meningkatkan kos, dan itu akhirnya akan ditanggung oleh rakyat jelata. Tetapi malangnya Tuan Yang di-Pertua, ada pihak-pihak juga mengambil kesempatan untuk menyeludup diesel. Baru-baru ini ada satu kes di Batu Maung di negara saya itu

yang melibatkan satu bot, yang telah menyeludup banyak diesel sehingga tindakan tegas diambil oleh pihak berkuasa, bot itu telah dirampas dan semua crewnya telah juga ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, itu hanya satu daripada kes yang berlaku kerana subsidi ini. Kalau kita tidak ada subsidi, mungkin tidak wujudnya satu keperluan untuk menyeludup diesel kerana harga yang dijual di Malaysia ini lebih rendah daripada harga yang dijual di negara jiran kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengatasi masalah ini, kalau tidak berapa banyak subsidi yang kita berikan kepada sektor ini ia tidak mencukupi. Semua usaha harus ditingkatkan untuk menangkap mereka dan bukan itu sahaja, rancangan-rancangan tertentu untuk kawalan rapat tentang penjualan diesel itu harus juga diadakan.

Kita selalu melihat bahawa ada bot-bot yang di mana tangki minyak mereka diubahsuaikan, diperluaskan supaya dapat menampung lagi, mengisikan lebih banyak lagi diesel ini. Tuan Yang di-Pertua, masalah itu harus diatasi di pelabuhan-pelabuhan yang besar. Tidak akankah kita tempatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan di sana untuk menangkap kes-kes semacam ini? Mungkin juga kita boleh beri hadiah kepada mereka yang memberi maklumat tentang kegiatan-kegiatan semacam ini, dengan berbuat demikian Tuan Yang di-Pertua, mungkinlah kita dapat mengatasi masalah penyeludupan diesel kerana harga disebabkan subsidi ini adalah lebih rendah dan berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kenapa kita membantu Perwaja Steel Sdn. Bhd. itu dan menanggung kerugian mereka? Bukankah Perwaja Steel Sdn. Bhd. itu telah diswastakan dan kalau kita beri satu subsidi pada kali ini apa yang dipohon ialah RM1.520 juta, Tuan Yang di-Pertua satu ribu lima ratus dua puluh juta, sebagai membayar tanggungan hutang Perwaja Steel Sdn. Bhd. Sampai bilakah kerajaan akan membayar tanggungan ini memandangkan harga keluli, harga besi semua sudah naik. Adakah kita perlu lagi memberi tanggungan atau membayar tanggungan hutang syarikat ini? Apakah rasional dan sebabnya kita teruskan dengan bayaran ini?

Saya ingin tahu sampai bilakah kita akan membayar tanggungan ini? Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ke perkara B.28 iaitu Kementerian Pengangkutan. Kementerian Pengangkutan ini telah berbelanja sebanyak RM3.1866 juta bagi Kempen

Keselamatan Jalan Raya. Nampaknya ada kesan kerana pagi ini sahaja Menteri Pengangkutan dalam Dewan yang mulia ini telah mengumumkan bahawa semasa cuti Deepa-Raya itu, maka jumlah kemalangan itu telah menurun dan ini nampaknya adalah satu kejayaan. Tetapi sebaliknya kita juga memperuntukkan satu lagi tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan jalan raya itu, iaitu denda sebanyak RM300 dengan bayaran yang mesti dibuat serta-merta di tempat kejadian itu.

Sungguhpun kita dapati Menteri selepas itu di atas permintaan rakyat itu telah memberitahu, bahawa ini hanya di dalam keadaan di mana mereka membuat serbuan semua jabatan atau agensi penguatkuasaan hanya dalam keadaan semacam itu, maka ini akan berterusan. Tetapi kita juga mendengar pendapat dari segi undang-undang bahawa tindakan semacam ini tidak patut berlaku kerana ia di luar sisi undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, kalau itu betul, maka bagaimana kita dapat memperkenakan denda semacam itu. Adakah lebih baik pada saya bahawa kita teruskan dengan Kempen Keselamatan Jalan Raya, seperti yang telah dibuat dalam keadaan ini dan dengan berbuat demikian nampaknya jumlah kemalangan sudah menurun dan itu adalah satu tanda yang menunjukkan kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.28 juga ada satu permintaan untuk membayar sebanyak RM1,082,100 juta, (satu juta lapan puluh dua ribu satu ratus ringgit) kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP).

Tuan Yang di-Pertua, bukankah PTP ini sudah diswastakan? Perlukah kerajaan masih membayar subsidi kepada PTP? Di atas apa jenis perjanjian selepas kita menswastakan sesuatu itu, kita masih perlu membayar subsidi dalam keadaan sedemikian. Sungguhpun amaun ini tidak begitu besar satu juta lebih, tetapi dari segi prinsip, adakah ini sesuai dibayar dan adakah ini akan diteruskan tiap-tiap tahun? Kalau akan diteruskan, sampai bilakah ini akan dibuat kerana tiap-tiap tahun mungkin datang balik ke Dewan ini untuk memberi peruntukan yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan sebanyak RM9.8 juta telah dibuat kepada MAS kerana perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Air Asia sekarang sudah terbang ke Sarawak dan juga ke Sabah, kalau pihak ini rela memberi perkhidmatan kepada kawasan-kawasan luar bandar seperti yang diuruskan oleh MAS itu, adakah kerajaan akan menggalakkan sistem penerbangan baru ini untuk berbuat demikian, dan adakah mereka juga layak mendapat subsidi semacam ini untuk memberi perkhidmatan di tempat-tempat luar

bandar? Tuan Yang di-Pertua, kalau ada juga sistem penerbangan lain yang ingin memberi perkhidmatan ini, adakah ia juga akan diberi pertimbangan seperti yang diberi kepada MAS sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bahawa negara kita sekarang menggalakkan satu penerbangan berbentuk bajet atau *Budget Airline* dan sekarang kita juga ada rancangan untuk menjadikan satu *hub*, di mana kita boleh mendapatkan perkhidmatan penerbangan murah seperti yang diberikan pada ketika ini oleh syarikat penerbangan yang kedua di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau demikian mungkin itu akan menambah lagi perhubungan di antara rakyat kita di Sabah, Sarawak dengan Semenanjung dan sungguhpun kita sekarang mengkaji sama ada akan menghidupkan Feri Malaysia yang pada suatu ketika dahulu telah memberi perkhidmatan di antara Borneo dengan Semenanjung, kita juga harus mengkaji sama ada dengan menambah bilangan penerbangan dengan menggunakan satu syarikat penerbangan kos rendah itu maka itu juga boleh mengatasi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Maksud B.04 iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya. Tuan Yang di-Pertua, pada Pilihan Raya Yang Ke Sebelas yang telah berlangsung pada bulan Mac tahun ini, kita dapati ada banyak masalah yang telah wujud dan di dalam Dewan ini kita juga mengambil kesempatan semasa sidang yang lalu dalam tahun ini untuk membangkitkan perkara-perkara yang ada kaitan dengan kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya itu. Sekarang kita dapati mereka perlukan RM100 juta sebagai tambahan untuk menampung perbelanjaan bagi Pilihan Raya Umum Ke Sebelas dan juga Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sabah Yang Ke Sepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada masalah-masalah yang telah dibangkitkan, isu-isu yang telah dibangkitkan itu telah diberi perhatian, telah diambil tindakan, telah diselesaikan, supaya tidak wujud lagi masalah-masalah seperti yang telah wujud pada bulan Mac dulu. Tuan Yang di-Pertua, setahu saya

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Yaakob Mohammad.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, mungkin memberi masa untuk beliau berehat sebentar. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, sebagaimana *statement* Yang Berhormat Dato' Dr. Chin

sebutkan tadi, Pilihan Raya Umum Yang Kesebelas lalu dianggap mempunyai banyak masalah panjang sedikit dia sebut tadi, tetapi tidakkah kita sedar bahawa perjalanan Pilihan Raya Yang Kesebelas telah berjalan dengan begitu lancar dan mendapat pengiktirafan daripada dunia bahawa kecekapan, ketangkasan pentadbiran pengurusan Suruhanjaya Pilihan Raya telah pun terbukti dapat melaksanakan, menegakkan sistem demokrasi berperlembagaan di negara kita dengan baik.

Untuk mencari satu sistem, satu Suruhanjaya di dunia yang dapat menjalankan perjalanan pilihan raya dengan *perfect* adalah mustahil dan terbukti negara Amerika sendiri yang begitu canggih dengan sistem ITnya namun masih dipersoalkan dari segi kesahihan, ketelusan dan kebersihan sistem perjalanan pilihan raya yang mereka adakan tahun dahulu dan juga baru-baru ini.

Apa pandangan Yang Berhormat Dato' bahawa kita tidak patut mengatakan perjalanan pilihan raya yang lalu yang dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mempunyai banyak masalah, seolah-olah menggambarkan pilihan raya yang lalu itu tercemar dek kerana Suruhanjaya Pilihan Raya tidak dapat mengendalikan sistem perjalanan pilihan raya dengan baik, dan kerajaan yang terbentuk hari ini adalah kerajaan yang sah di sisi undang-undang dan kerajaan yang telah pun diiktiraf oleh dunia. Kita lalui menegakkan sistem pilihan raya melalui satu sistem yang adil, telus dan tidak patut kita mengandaikan seolah-olah perjalanan pilihan raya yang lalu itu mempunyai banyak masalah, menimbulkan persoalan apakah perjalanan pilihan raya dulu itu boleh dipertikaikan, kecualilah pihak-pihak suara-suara sumbang yang diterbitkan oleh pihak yang kalah, pihak pembangkang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu pertanyaan yang cukup baik pada pendapat saya memandangkan apabila kita ada masalah kita mesti mengakui ada masalah. Saya bukan menyatakan di tempat lain mereka ada satu sistem yang lebih baik. Contohnya, *Ukraine*, Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat dalam surat khabar bahawa Mahkamah Tinggi mereka telah menolak keputusan pilihan raya di *Ukraine* itu dan memerlukan mereka mengadakan semula pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi Malaysia, pilihan raya kali pertama hingga yang ke sepuluh nampaknya telah berjalan dengan baik tetapi tidak tahulah kenapa pada kali yang ke sebelas itu nampaknya ada lebih masalah daripada dulu dan akibat daripada itu mereka perlu

mengadakan pilihan raya yang baru di satu kawasan Dewan Undangan Negeri dan juga perlu melanjutkan masa di Selangor, dan bilangan kes rayuan yang telah dibawa ke Mahkamah itu, Mahkamah Rayuan Pilihan Raya, Tuan Yang di-Pertua, ialah yang paling tinggi pada kali yang ke sebelas.

Sungguhpun banyak daripada masalah itu telah diselesaikan oleh mahkamah tetapi dari segi pentadbiran, proses ini pada pendapat saya ada ruang untuk kita memperbaiki lagi, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kita mempunyai semangat "Malaysia Boleh". Kita mahukan sistem kita yang diamalkan di sini menjadi suatu sistem yang terbaik sekali maka kita kena melihat teguran atau cadangan membina ini yang dibuat dalam kedua-dua Dewan pada sidang yang lalu itu sebagai satu pendapat yang harus dilihat dari segi positif kerana ia akan menambahbaikkan lagi usaha dan juga peranan SPR.

Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa SPR menjadi satu teladan yang baik kepada banyak negara sehingga di sini apabila kita mengadakan pilihan raya, kita tidak melihat pemerhati-pemerhati yang dihantar oleh negara-negara asing ke sini untuk memerhatikan pilihan raya di sini. Tuan Yang di-Pertua, di Ukraine, EU telah menghantar pemerhati-pemerhati untuk memerhati cara pilihan raya di sana dan mereka telah membuat keputusan bahawa ada penyelewengan tetapi baiknya di Malaysia kita tidaklah perlu. Saya juga dijemput oleh Setiausaha Agong Komanwel ke Kenya pada tahun 2001 untuk menjadi satu daripada rombongan yang dihantar oleh Setiausaha Agong Komanwel untuk memerhatikan pilihan raya di Kenya itu.

Malaysia dipilih mestilah kerana ada kebaikannya, kita ada satu sistem yang baik tetapi nampaknya masih ada ruang untuk diperbaiki. Saya berharap dengan peruntukan tambahan RM100 juta ini maka satu kesempatan akan dibuat untuk memperbaiki lagi sistem yang wujud supaya pada pilihan raya kali yang kedua belas nanti, Tuan Yang di-Pertua, kita boleh kata kita ada satu sistem yang terbaik di dunia.

Saya akui di Amerika Syarikat pun ada masalah-masalah tetapi mereka juga mengambil tindakan dan pada kali ini apabila Presiden *George Bush* dilantik semula atau dipilih semula maka tidak wujud lagi masalah-masalah seperti yang timbul pada tahun 2000. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan mereka menerima hakikat bahawa kalau ada kelemahan, kelemahan itu mesti diatasi. Kita lihat sekarang bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya kita sudah ada pengalaman yang banyak – sudah 11 kali menguruskan perjalanan pilihan raya dan sudahlah sampai tahap supaya tidak wujud

lagi masalah-masalah yang akan memberi nama yang buruk kepada proses kita sehingga begitu ramai yang telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati di bawah Maksud P.12 – Perbendaharaan juga ada satu peruntukan sebanyak RM68 juta yang diberi untuk penyelenggaraan jalan raya negeri supaya ia dapat mencapai mutu minimum. Tuan Yang di-Pertua, saya amat menggalakkan perkara ini memandangkan di Malaysia sekarang kita sudah ada 13.5 juta kenderaan. Dari jumlah ini, 60 peratus ialah motosikal, Tuan Yang di-Pertua dan peratusan kemalangan yang melibatkan motosikal di Malaysia adalah yang amat tinggi. Oleh kerana itu, maka satu usaha harus diambil untuk memberi perlindungan yang lebih kepada pengguna jalan raya dalam sektor ini.

Baru-baru ini Menteri Kerja Raya telah mengumumkan bahawa kita akan membina 10 lorong bagi motosikal - beberapa sedang dijalankan dan beberapa lagi sedang dalam perancangan. Bolehkah lebih perhatian diberi kepada perkara ini supaya mereka dapat perlindungan-perlindungan yang seharusnya diberi kepada mereka memandangkan golongan yang menggunakan motosikal ini adalah begitu ramai dan mereka juga dari golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah B.12 juga, kita dapati ada RM18.3 juta diberi kepada negeri-negeri di atas pengiraan kepala iaitu bilangan penduduk. Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kadar untuk ini sudah banyak tahun tidak naik. Memandangkan amaun yang dikenakan itu tidak banyak, adakah kementerian boleh mengkaji sama ada kadar yang digunakan untuk memberi peruntukan kiraan kepala kepada tiap-tiap negeri itu ditingkatkan?

Pada saya, sudahlah sesuai ditingkatkan memandangkan rakyat sekarang memerlukan banyak perkhidmatan dari setiap negeri itu dan apabila mereka memberi satu mandat yang begitu besar kepada kerajaan maka mereka juga berharap supaya dapat perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik di peringkat negeri dan duit yang didapati oleh negeri ini digunakan untuk tujuan sedemikian Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kadar itu ditingkatkan, maka amaun yang akan diterima oleh setiap negeri itu nampaknya lebih tinggi daripada apa yang mereka dapat pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Maksud B.09 iaitu BPR. Tadi saya telah bincang SPR, sekarang mengenai Badan Pencegah Rasuah (BPR). Mereka memerlukan RM735 ribu untuk melaksanakan Program Integriti Nasional (PIN) dan juga penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM).

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya setuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa satu masalah yang besar di Malaysia ialah rasuah. Sungguhpun kita sudah menekankan tentang perkara ini, maka perkara rasuah ini masih menjadi satu masalah yang besar di negara kita dan memandangkan demikian, maka baru-baru ini kita telah setuju bahawa Institut Integriti Malaysia (IIM) itu ditubuhkan dan ia juga akan melaksanakan satu program yang dipanggil Program Integriti Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua pada pendapat saya adalah program dan usaha yang baik bagi kita menghapuskan masalah ini. Adakah RM735 ribu mencukupi untuk satu usaha yang begitu besar ini? Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada saya kalau kita lihat amaun yang diminta itu nampaknya seolah-olah usaha itu tidak mencukupi. Bolehkah kita diberitahu dalam Dewan ini, sejak dilaksanakan program ini, sejak ditubuhkan IIM ini, berapakah usaha yang telah dibuat dalam mengatasi atau mengelakkan dari kegiatan rasuah sama ada melalui kursus-kursus atau program-program yang lain? Tuan Yang di-Pertua, adakah kita berpuas hati bahawa kita sudah sedikit sebanyak telah meningkatkan kesedaran tentang aspek ini?

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita meminta kementerian yang berkenaan supaya memberi satu laporan terkini tentang usaha ini supaya kita dapat memantau perbelanjaan duit yang dipohon untuk memastikan ia betul-betul akan membawa kesan yang positif kepada rancangan ini?

Tuan Yang di-Pertua, kalau itu tidak diberi perhatian dan kalau kita hanya meluluskan ini, nampaknya kita yang duduk di sini juga kurang berusaha dalam mengatasi masalah ini. Pada saya, rasuah memerlukan kerjasama daripada banyak pihak bukan sahaja pihak penguatkuasaan tetapi kesedaran di setiap peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.41 Kementerian Pelajaran, saya dapati sebanyak RM400 juta diperuntukkan untuk beberapa tujuan. Satu ialah membiayai tambahan emolumen perjawatan baru, penggredan semula jawatan dan juga membayar insentif kepada guru-guru yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi pendidikan rendah dan menengah.

Tuan Yang di-Pertua, RM400 juta tambahan ini merupakan satu amaun yang besar dan dari segi memberikan insentif kepada guru-guru supaya mereka lebih serius mengajar subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Adakah ini akan melemahkan semangat guru yang mengajar subjek lain? Kenapa guru dalam

golongan ini sahaja diberi insentif? Pada saya, guru dalam subjek lain pun cukup serius dalam kerja mereka tetapi golongan ini dapat insentif, golongan lain tidak dapat insentif. Mungkin guru yang mengajar bahasa Tamil - dan juga bahasa Tionghua - patut juga diberi insentif kerana nampaknya bilangan guru ini sudah menurun. Tidak ramai yang ingin menjadi guru dalam bidang ini. Bilangan mereka yang mengajar subjek itu juga menurun dan sudah susah bagi Kementerian Pelajaran mengisi perjawatan-perjawatan yang kosong dalam kedua-dua subjek ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau kita bayar insentif kepada guru-guru tertentu itu sahaja, adakah ini menjadi satu *disincentive* kepada guru-guru yang tidak dapat bayaran ini? Adakah itu akan menjejaskan prestasi mereka? Tuan Yang di-Pertua, ini kerana amaun yang diperuntukkan, yang dipohon itu begitu besar – RM400 juta. Saya tidak tahu, tidak ada pecahan berapa banyak yang digunakan sebagai insentif. Tetapi kalau amaun ini besar, adakah ini menjadi satu *disincentive* kepada mereka yang tidak dapat apa-apa penghargaan daripada kerajaan sungguhpun mereka berusaha begitu giat, sungguhpun mereka menyumbang begitu banyak dalam subjek mereka?

Saya dapati di bawah Maksud 42 – Kementerian Kesihatan, diberi peruntukan yang juga besar, iaitu RM678 juta dan mereka menggunakan peruntukan ini untuk Dana Khas Penyakit Kronik RM25 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu masalah-masalah yang dibangkitkan baru-baru ini, oleh mereka yang telah cuba mendapat bantuan daripada Dana Khas Penyakit Kronik itu tetapi telah dilambat-lambatkan kerana prosedur dan sebagainya, sama ada masalah sedemikian telah diatasi, kerana itu telah diberi perhatian yang cukup serius oleh media kita dan Menteri sendiri. Menteri Kesihatan sendiri telah menyatakan dia akan melaksanakan prosedur-prosedur baru supaya bayaran daripada Dana Khas Penyakit Kronik itu dapat dibuat dengan lebih licin, dengan lebih cepat supaya mereka yang perlukan bantuan itu tidak perlu menunggu begitu lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu dengan penambahan duit ini kepada dana itu, sama ada masalah-masalah asal itu telah diatasi. Tidak baiknya kalau kita tambah tabung ini tetapi usaha untuk mendapat bantuan dari tabung ini masih macam biasa, macam dahulu, begitu susah untuk mendapat bantuan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga diminta meluluskan RM293 juta daripada amaun ini untuk membiayai pembelian ubat-ubatan, dan juga *reagent* untuk ujian makmal,

diagnostik, bahan makanan pesakit dan juga menampung bayaran utiliti hospital dan klinik. Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu amaun yang besar, yang ditanggung oleh kerajaan. Di bawah sistem yang diguna pakai sekarang, di mana banyak negara telah membeli ubat-ubatan generik atau *generic drugs* atau *generic medicine* iaitu ubat-ubat yang dibuat dengan formula yang sama tetapi bukan dibeli daripada syarikat asal itu.

Adakah kita lebih berusaha dalam menghasilkan ubat-ubatan semacam ini atau membeli lebih ubatan semacam ini, untuk menampung keperluan kita, supaya kos untuk ubat ini boleh dikawal, kalau tidak ia akan meningkat. Dan juga pada masa sekarang kita telah menggalakkan *alternative medicine*, Tuan Yang di-Pertua. Adakah juga kita menggalakkan kegunaan herba-herba dan sebagainya, sebagai satu lagi aspek dan mungkin banyak daripada herba itu kita dapat cari dalam negara kita dan tidak perlulah kita mengimport atau membeli dengan harga yang tinggi daripada negara lain. Kalau tidak, saya nampak amaun ini tiap-tiap tahun akan meningkat. Ia akan meningkat lagi, kali ini kita diminta tambah RM293 juta, mungkin tahun depan, kita kena tambah lebih daripada amaun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga ada satu sumbangan sebanyak RM3.8 juta kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi membantu dalam program membasmi penyakit polio.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, WHO itu merupakan satu badan antarabangsa yang sudah ada banyak peruntukan yang mereka perolehi daripada negara-negara maju dan perlukah Malaysia ini sebuah negara yang kecil itu membuat sumbangan begitu banyak kepada program mereka? Ini mungkin di atas beberapa sebab, saya kurang faham, tetapi saya hanya hendak tahu, sama ada kita perlu mengkaji subsidi semacam ini, memandangkan penyakit polio juga tidak merupakan satu penyakit yang begitu serius dalam keadaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud 43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kita telah diminta memberi satu peruntukan sebanyak RM127 juta kepada Program Kebersihan. Tuan Yang di-Pertua, tadi kita sudah dapati satu Program Keselamatan Jalan Raya, kita ada satu lagi Program Kebersihan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati peruntukan-peruntukan semacam ini, tiap-tiap tahun akan dipohon dan akan meningkat. Sampai bilakah kita akan melaksanakan pendidikan jangan buang sampah, jangan buang benda dalam parit, jangan buang dalam sungai dan sebagainya. Sampai bilakah kita akan memberi subsidi untuk

menukar minda rakyat supaya menghargai alam sekitar kita supaya tidak melakukan kekotoran dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, mungkin lebih baik kalau duit ini digunakan untuk penguatkuasaan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita lihat oleh kerana tindakan penguatkuasaan yang tegas di negara jiran kita, maka masalah ini tidak begitu besar di sana. Tetapi di Malaysia ini, kita dapati ini memang menjadi satu masalah yang rumit dan sungguhpun kerajaan telah memperuntukkan banyak perbelanjaan untuk mengatasinya, nampaknya bandar-bandar besar kita masih kotor dan nampaknya usaha yang dilakukan oleh PBT itu tidak berkesan langsung. Mungkin kita kena melaksanakan satu pendekatan baru iaitu penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan itu lebih tegas, mungkin ini akan membawa satu kesan yang positif. Kalau tidak, maka pada saya, duit ini akan sia-sia sahaja, akan dibelanjakan tetapi tidak ada membawa apa-apa kebaikan dalam mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud B.50 Kementerian Pertahanan kita diminta meluluskan satu peruntukan tambahan sebanyak RM250 juta bagi membiayai tambahan kos Program Latihan Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali yang pertama program ini dilaksanakan kita dapati bahawa mereka yang harus menyertai program ini tetapi tidak berbuat demikian merupakan satu bilangan yang besar. Selepas itu kerajaan telah mengumumkan bahawa mereka yang tidak hadir itu akan didakwa dan akan dibawa ke mahkamah supaya ini akan menjadi satu teladan memandangkan kita bersetuju program ini adalah satu program yang baik. Nampaknya sehingga hari ini kita sudah mula dengan program yang kedua, kali yang kedua kita melaksanakan tetapi masalah-masalah bagi program yang pertama itu belum lagi diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak mengatasi masalah-masalah itu maka adakah adil kalau kita mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak hadir pada masa akan datang. Saya khawatir bahawa pada kali ini mereka lihat apa yang berlaku pada kali yang pertama dan kemudian juga tidak mengambil berat tentang program ini. Saya berharap masalah-masalah yang telah dibangkitkan dan telah disuarakan di kedua-dua Dewan yang mulia ini akan diberi tindakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam perkara ini. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak yang tertentu akan mengambil kesempatan untuk mempermainkan isu-isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita membaca dalam surat khabar bahawa Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat telah menyatakan jangan mengambil tindakan terhadap semua pihak ini. Mereka yang tidak mengambil bahagian tidak hadir harus dibiarkan demikian sahaja, tidak perlu mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka. Ini pada pendapat saya adalah kerana proses untuk membuat keputusan tentang isu ini begitu lama sehingga pihak-pihak tertentu sekarang mengambil kesempatan untuk menjadi isu ini sebagai satu isu politik.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita telah memutuskan bahawa Program Latihan Khidmat Negara ini adalah satu program yang baik yang harus diperkenalkan kepada anak-anak muda kita maka kita harus teruskan dan mereka yang tidak hadir itu harus dipersoalkan, harus diambil tindakan yang sebenar untuk mengelak daripada pihak-pihak yang tidak mengambil serius tentang program ini. Daripada mereka yang telah menyertai dan telah balik ke rumah selepas program ini mereka telah mengakui bahawa program ini ada begitu kebaikan dan mereka telah menunjukkan bahawa semasa berada di kem-kem itu mereka telah mendapat satu pengalaman yang sukar didapati kalau mereka duduk di rumah sahaja. Oleh kerana program ini merupakan satu yang telah dirancang begitu teliti, begitu baik maka saya berharap dengan peruntukkan sebanyak RM250 juta ringgit ini maka semua masalah yang ada itu dapat diatasi dan program ini akan diperbaiki lagi.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah memohon sebanyak RM472.87 juta ringgit untuk beberapa perbelanjaan yang kita mendengar tadi bahawa banyak daripada ini ialah kerana ia merupakan satu kementerian baru iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri merupakan satu kementerian baru dan oleh kerana itu maka ia perlukan lebih peruntukkan. Saya amat bersetuju bahawa kementerian ini diberi sokongan yang mencukupi kerana mereka kena memainkan satu peranan yang begitu penting dalam menjaga keselamatan kita. Kalau ia tidak berusaha dengan baik maka negara kita akan menghadapi banyak masalah dan sekiranya mereka tidak mempunyai teknologi-teknologi yang baru dan canggih itu maka mereka sukar dapat mengatasi kes-kes jenayah yang pada ketika ini begitu rumit, begitu *sophisticated*, begitu susah dikesan.

Jadi saya amat menyokong bahawa pihak ini diberi bantuan yang mencukupi supaya mereka boleh lebih berusaha dalam mengatasi isu-isu keselamatan dalam negeri Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya juga mendapati bahawa satu daripada

amaun yang besar yang dipohon itu ialah untuk membiayai keperluan Polis Diraja Malaysia semasa menghadapi Pilihan Raya Umum Kesebelas iaitu RM83 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, kita baru-baru itu telah luluskan peruntukkan-peruntukkan kepada SPR, sekarang pihak Polis Diraja Malaysia juga meminta amaun ini dan mungkin pihak lain pula meminta amaun-amaun tertentu dalam usaha mereka untuk menjalankan Pilihan Raya Umum Kesebelas. Jadi pada akhirnya berapakah tanggungan kita untuk mengadakan satu Pilihan Raya Umum semacam itu kerana kita lihat dari sini ambil sedikit, dari sana sedikit dari sana sedikit tetapi kita tidak tahu jumlah bil untuk usaha ini. Adalah baik kalau dalam pilihan raya itu kita ada satu peruntukkan supaya kita tahu untuk mengadakan satu pilihan raya umum semacam itu berapa banyak.

Tadi kita lihat SPR telah buat permohonan, sekarang Polis Diraja Malaysia juga membuat permohonan untuk mendapat RM83 juta. Tadi RM100 juta ringgit untuk SPR, sekarang RM83 juta untuk pihak Polis Diraja Malaysia. Semua itu ialah untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Kesebelas. Bolehkah kita bereskan kesemua perbelanjaan supaya Dewan yang mulia ini dapat dimaklumkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata demikian saya menyokong peruntukan tambahan Perbekalan Tambahan 2004 ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat yang telah dapat menghabiskan perbincangan dalam waktu persidangan. Ahli-ahli Yang Berhormat masa mesyuarat telah pun cukup dan saya tangguhkan mesyuarat ini ke pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.